



LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
1996

لجنة انعامات الادب
1996

لجنة انعامات الادب
1996

مکتبہ اسلامیہ
بیت اللہ



IDS

LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
1996







LAPORAN PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA 1996

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
1996



ISSN 1394-584X

Cetakan Pertama 1996
© Panel Anugerah Sastra Negara 1996

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perjanjian royalti atau honorarium.

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU	
No. Kelas:	899 2309 h20
Tarikh:	24/1/93
T.T.	<i>[Signature]</i>

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan



KANDUNGAN

Prakata	vii
Anggota Panel Anugerah Sastera Negara	ix
Laporan Panel Anugerah Sastera Negara	1
Pendahuluan	3
Novel	12
Cerpen	27
Terjemahan	38
Biografi dan Autobiografi	46
Penutup	57
Lampiran	59
Biodata	61
Hadiah/ Anugerah	66
Senarai Karya	68
Karya dalam Akhbar/Majalah	72
Tulisan tentang Abdullah Hussain	84





PRAKATA

BUKU laporan ini merupakan sebuah penerbitan tentang sumbangan penerima Anugerah Sastera Negara yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara. Pada tahun 1981 telah diterbitkan buku laporan seumpama ini tentang Keris Mas, Shahnnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), Muhammad Haji Salleh (1991) dan Noordin Hassan (1993).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam “Warkah Dasar” Anugerah Sastera Negara, pencalonan bagi Anugerah ini haruslah memenuhi “syarat mengemukakan calon” yang antaranya, pencalonan hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: penilaian mengenai karya sastera calon tersebut; penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera; dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan, jika ada.

Syarat-syarat di atas merupakan dasar yang menjadi perhatian utama ahli-ahli Panel ketika mengadakan perbincangan bagi menentukan penulis yang layak, yang akan menerima anugerah ini. Setelah mengadakan perbincangan beberapa kali, dan beberapa kali pula saling bertukar-tukar fikiran secara mendalam dan bersungguh-sungguh, panel akhirnya memilih sasterawan Abdullah Hussain sebagai penerima Anugerah Sastera Negara 1996.

Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan kepada Abdullah Hussain adalah:



- i. warkah penghormatan negara;
- ii. wang tunai sebanyak RM30 000.00;
- iii. kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta;
- iv. kemudahan untuk penerbitan karya;
- v. kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan;
- vi. penerbitan karya penerima Anugerah tidak kurang daripada 50 000 naskhah untuk dibeli oleh Kerajaan dan disebarikan dengan luasnya ke sekolah-sekolah, perpustakaan-perpustakaan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan;
- vii. kemudahan untuk dipertimbangkan menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka; dan
- viii. terjemahan karya yang sesuai ke bahasa asing.

Dengan ini Urus Setia mempersembahkan laporan kajian dan penelitian terhadap sumbangan Abdullah Hussain yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

Urus Setia
Panel Anugerah Sastera Negara



ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA

Y.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
(Pengerusi)

Haji A. Aziz Deraman (Timbalan Pengerusi)

Tan Sri Dato' Ismail Hussein

Prof. Dr. Farid M. Onn

Haji Abu Bakar Hamid

Prof. Dr. Haji Hashim Awang

Encik Krishen Jit

Haji Baharuddin Zainal

Prof. Madya Dr. Ungku Maimunah Mohd. Tahir

Prof. Madya Lim Chee Seng

Dr. Baharuddin Ahmad

Encik Anwar Ridhwan (Setiausaha)





**LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
1996**





PENDAHULUAN

SELAMA lebih 50 tahun, Abdullah Hussain telah menekuni dunia sastera Melayu moden melalui sumbangan kreatif serta kegiatannya yang berkesinambungan. Ini menjadikan beliau sebagai salah seorang daripada segelintir sasterawan Melayu yang bertahan lebih setengah abad dalam bidang sastera, yang dalam tempoh tersebut terus memperlihatkan peningkatan mutu penulisannya. Takah-takah kemajuan yang diperlihatkan sangat berkaitan dengan minat, dedikasi, pengalaman serta pengetahuan yang dikumpul, yang mendewasakan serta memantangkan dunia seninya.

Abdullah mula menghasilkan karya pada tahun 1939 apabila sebuah cerita lucunya dimuat dalam majalah *Tanah Melayu*. Bagaimanapun kehadirannya sebagai penulis mulai bertapak apabila Abdullah menghasilkan karya kreatif pada tahun 1940 melalui cerita bersiri "Binti Penghulu" dan "Harta dan Jodoh Menanti di England" dalam akhbar *Sahabat* (diterbitkan di Pulau Pinang). Menurut Abdullah, yang mendorong beliau menulis ialah pengarang *Sahabat* iaitu Ahmad Noor Abdul Shukoor (penulis tahun 1930-an yang terkenal). Langkah pertamanya ke dunia penulisan itu bermula ketika Abdullah baru berusia kira-kira 19 tahun.

Abdullah dilahirkan pada 25 Mac 1920 di Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah. Dari tahun 1926–31 beliau terdidik di Sekolah Melayu Sungai Limau, hingga lulus Darjah V. Keinginannya untuk menjadi guru pelatih selepas lulus Darjah V itu hanya ibarat buih di atas air apabila permohonannya ditolak. Peristiwa pahit itu menguatkan azam Abdullah untuk melanjutkan pela-



jaran. Beliau menyambung pelajaran di Sekolah St. Michael, Alor Setar (1932–33) dan Anglo Chinese School, Alor Setar hingga lulus Darjah VII dalam tahun 1935.

Pendidikan Abdullah di Sekolah Melayu memberinya asas kepada kekuatan bahasa Melayunya. Sementara pendidikan Inggeris bersama-sama pelajar-pelajar bukan Melayu telah memberinya dua faedah sampingan. Pertama, penguasaan bahasa Inggeris yang kemudiannya digunakan sebagai wahana menikmati dan menterjemah karya asing. Kedua, pergaulan yang memberinya asas persefahaman pelbagai kaum, yang kemudian mengapungkan kefahaman itu sebagai tema dalam beberapa buah karya kreatifnya.

Setelah lulus Darjah VII dari Anglo Chinese School tahun 1935, iaitu suatu kelulusan yang agak tinggi pada zamannya, adalah sedikit aneh bahawa Abdullah tidak mahu meneruskan cita-citanya untuk menjadi guru pelatih. Sebaliknya, Abdullah bekerja buat pertama kalinya sebagai Penjaga Stor sebuah perusahaan lombong bijih di Pahang dalam tahun 1939. Tugasnya di perusahaan lombong itu tidak lama kerana pada akhir tahun tersebut Abdullah memulakan tugas baru di Pulau Pinang sebagai Pembantu akhbar *Sahabat* di bawah pengarang Ahmad Noor Abdul Shukoor. Pemergian Abdullah pemuda desa ke Pahang dan Pulau Pinang telah merintis perkelanaannya yang lebih jauh dan beragam dalam kehidupannya serta dunia kreatifnya. Sungguhpun perkelanaan seterusnya tidak selamanya nikmat seperti berenang di lautan madu, tetapi sejak lebih 50 tahun lalu Abdullah tidak menoleh ke belakang lagi.

Dalam tahun 1940 Abdullah bertugas sebagai Pembantu Pengarang akhbar *Saudara*. Walaupun akhbar ini ditutup setahun kemudian, yang sedikit meremangkan mega kehidupannya, namun mulai tahun itu juga mula terpancar cahaya intan kepengarangannya apabila dua buah novelnya diterbitkan iaitu *Kasih Isteri* dan *Dia ... Kekasihku*. Tidak lama sesudah *Saudara* ditutup, Abdullah bertugas pula sebagai Kerani Tukang Dobi di Kem Tentera Inggeris di Sungai Petani, Kedah, sehinggalah kemaraan tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua yang memaksa Abdullah pulang ke kampung kelahirannya.

Kira-kira sebulan setelah pendudukan Jepun, beliau dibawa ke Kuala Lumpur oleh pasukan *Fujiwara Kikan* sebelum dihantar ke Sumatera sebagai *fifth columnist*, iaitu perisik utama sebelum sesuatu tindakan dilancarkan. Pendaratan kumpulan tersebut di Sumatera berakhir dengan penangkapan beliau oleh pemerintah



kolonial Belanda, lalu menahannya di Medan. Abdullah hanya dibebaskan apabila tentera Jepun mendarat dan menduduki Sumatera. Sebaik-baik dibebaskan beliau di bawa ke Aceh dan diberi jawatan di *Gunseikanbu* sebelum dihantar ke Singapura mengikuti kursus pentadbiran di *Syonan Koa Kunrenzyo* selama tiga bulan.

Setelah tamat kursus pentadbiran di Singapura, Abdullah diberi jawatan kerani *Gunseibu* di Langsa, yang mendekati beliau dengan Aceh, tempat asal orang tuanya. Dengan kedudukan yang agak stabil, serta berbekal pengalaman dalam bidang penerbitan dan penulisan, tidaklah menghairankan jika Abdullah turut mendirikan akhbar *Aceh Shimbun*, menjadi pemberita dan kembali menulis cereka. Antara karyanya dalam masa Perang Dunia II ialah novel sejarah "Darah Pembalasan" dan cerpen "Manusia Baru" (1943). Kedua-duanya tidak diterbitkan.

Apabila Perang Dunia Kedua tamat, Abdullah dilantik sebagai Kepala Polis, kemudian Wedana daerah Langsa. Dengan munculnya semula tentera Belanda sesudah kekalahan Jepun, Abdullah ikut serta menjadi orang pergerakan sebelum kembali bertugas sebagai Kepala Polis Pulau Sabang (1947). Dua tahun berikutnya dihabiskan dengan tugas-tugas sebagai ejen pemerintah Indonesia di Pulau Pinang dan Phuket, Thailand.

Pada tahun 1950 Abdullah kembali ke Sumatera dan bertugas sebagai pengarang majalah *Puspa* di Medan. Sempena Hari Buruh tahun tersebut beliau memenangi hadiah pertama peraduan menulis cerpen dengan karya berjudul "Kario Buruh Kebun". Tugas serta cerita pendeknya itu membayangkan minatnya yang tidak pernah luntur terhadap dunia sastera. Akan tetapi masa satu dekad berikutnya memperlihatkan betapa tumpuan terhadap dunia sastera itu sering direncami oleh keperluan serta tugas yang tidak berpaksi pada alam penulisan sepenuhnya. Sejak berada di Singapura pada tahun 1951, Abdullah menjalankan pelbagai tugas. Umpamanya sebagai Kerani syarikat perkapalan, pemberita akhbar dan majalah Indonesia, pengurus syarikat perfileman, pengarang majalah hiburan dan filem, pengurus firma import eksport, penasihat teknik filem "Hang Tuah" dan beberapa tugas lain yang membawanya ke Vietnam, Filipina dan Hong Kong.

Baru mulai tahun 1961 suasana kian membenarkan Abdullah mengharungi alam penulisan dengan penglibatan yang lebih teratur. Tugasnya di Oxford University Press (1 Januari 1961–31



Disember 1964), Franklin Book Programme (1965–68), serta di Dewan Bahasa dan Pustaka mulai 1 Mac 1968 hingga persaraannya pada tahun 1979, memberinya kesempatan yang lebih luas untuk menulis, menterjemah atau menjadi editor beberapa buah majalah.

Malah setelah persaraannya, Abdullah meneruskan iltizam seninya di sekitar dunia sastera dan penulisan. Beliau pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, menjadi Ahli Cipta di Universiti Sains Malaysia dan Pegawai di Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam.

Tidak syak lagi bahawa Abdullah mempunyai riwayat hidup yang sangat kaya dan beragam. Tidak ramai penulis Malaysia yang telah menempuh keragaman pengalaman hidup seperti Abdullah. Sejarah politik telah turut mewarnai pengalaman peribadinya, terutama sebelum, ketika dan selepas Perang Dunia Kedua.

Namun yang lebih penting, ialah peranan Abdullah merakamkan pengalamannya yang luas itu ke dalam beberapa genre penulisannya. Beliau tidak sahaja menulis autobiografi yang agak terperinci dalam *Sebuah Perjalanan* (I hingga III), novel-novelnya *Peristiwa*, *Aku Tidak Minta* dan *Terjebak* juga dianggap sebagai sebahagian daripada autobiografinya. Beliau juga menulis biografi tokoh yang rapat dengannya, atau tokoh yang dihormatinya seperti biografi tentang P. Ramlee, Pendeta Za'ba, sasterawan nasionalis Harun Aminurrashid dan bapa kemerdekaan Sabah, Tun Datu Mustaffa.

Ketika persuratan Melayu belum mempunyai sebarang kanun tentang epistemologi penulisan autobiografi dan biografi, karya-karya Abdullah itu telah memberikan asas serta panduan tidak langsung yang amat berguna. Abdullah tentunya mempunyai pemikiran-pemikiran dasar ketika menyaring bahan-bahannya sebelum mengapungkan riwayat tokoh dengan warna peribadi, perwatakan, emosi, intelek dan sebagainya. Karya-karya autobiografi dan biografi Abdullah memberikan sumbangan besar dan berharga bagi menentukan kanun penulisan genre-genre ini dalam persuratan Melayu moden.

Tiga buah bukunya yang tidak bersifat kreatif tetapi wajar dicatatkan juga di sini ialah *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, *Kamus Simpulan Bahasa* dan *Penulisan Cerpun: Kaedah dan Pengalaman*. Ketiga-tiga buah buku ini sekurang-kurangnya memperlihatkan keperihatinan mendalam Abdullah terhadap warisan peribahasa dan simpulan bahasa Melayu yang kaya, serta sikap



keterbukaannya untuk membimbing generasi muda dalam penulisan kreatif.

Buku bimbingan penulisan cerpen Abdullah adalah berdasarkan pengalaman beliau sebagai penulis kreatif, serta membimbing beberapa bengkel penulisan di seluruh tanah air. Berhubung dengan aktiviti seperti ini Abdullah mempunyai pengalaman yang cukup luas sejak beliau menjadi wartawan *Sahabat* dan *Saudara* di Pulau Pinang (1939–41) lagi. Pada masa itu Abdullah aktif dalam Perkumpulan Sahabat yang sering mengadakan pertemuan sesama penulis di utara semenanjung. Dalam tahun 1960-an Abdullah bergiat aktif sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Penulis Nasional (PENANA). Manakala pada tahun 1970-an hingga sekarang beliau aktif dalam Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENANA).

Sebagai sasterawan, Abdullah pernah menghasilkan puisi dan kritikan sastera, namun sumbangan Abdullah yang cukup kuat dan penting ialah dalam genre cerpen, novel dan terjemahan. Bidang prosa kreatif ini telah ditekuninya sejak awal, dan tidaklah menghairankan apabila mutunya meningkat dari semasa ke semasa.

Abdullah telah menterjemahkan cerpen dan novel asing ke dalam bahasa Melayu. Kebanyakan cerpen pengarang besar dunia yang diterjemahkannya disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera*. Beliau juga menterjemah kumpulan cerpen *Kuda Merah* (*The Red Pony*) karya John Steinbeck. Antara novel yang telah diterjemahkan ialah *Angin Timur Angin Barat* (*East Wind, West Wind*), 1964; *Bumi Bertuah* (*Good Earth*) karya Pearl S. Buck, *Orang Tua dengan Laut* (*The Old Man and The Sea*), 1961; karya Ernest Hemingway, *Mutiara* (*The Pearl*) karya John Steinbeck dan *Isabella* 1988; karya Maulana Mohammad Saeed. Pembacaan dan penterjemahan karya-karya tersebut telah memperkaya pengalaman seninya yang boleh membantu penciptaan karya aslinya.

Dalam genre cerpen Abdullah telah memberikan sumbangan yang besar dan berterusan. Khalayak sastera Melayu dihidangkan dengan siri cerpen “pertemuannya” yang terkenal seperti “Pertemuan di Tjiandjur” dan “Pertemuan di Brunei”, serta cerpen-cerpen terkenalnya yang lain seperti “Baboon”, “Dirinya yang Hilang”, “Bumi Tercemar”, “Cahaya Langit”, “Mat Jenin” dan “Tuhan, Bagaimana Kau Akan Mencarinya”. Cerpen-cerpen beliau dimuatkan dalam kumpulan *Kota ke Kota* (1978), *Sebuah Pekan Bernama Semporna* (1982), dan *Cahaya Langit* (1987). Cerpen Abdullah Hussain juga pernah memenangi



hadiah pertama Peraduan Mengarang Cerpen Berunsur Islam (Bahagian Agama) tahun 1977 dan hadiah sagu hati Sayembara Cerpen anjuran ESSO-GAPENA tahun 1979.

Bagaimanapun, dalam genre novellah Abdullah memperlihatkan kemajuan yang mengagumkan. Sungguhpun pada dekad-dekad yang awal beliau amat terpengaruh dengan tema serta kehendak pasaran sastera zamannya, yang mendorongnya menghasilkan karya sensasi seperti *Berenang di Lautan Madu* (1957), atau yang memenuhi selera muda-mudi warga kota seperti *Kuala Lumpur Kita Punya* (1967), perlahan-lahan Abdullah membina dan mengembangkan jati diri seni kepengarangannya.

Tahun 1960-an dapatlah dianggap sebagai dekad bermulanya pembinaan jati diri beliau. Dekad tersebut menyaksikan kemunculan empat buah novelnya yang penting iaitu *Terjebak* (1964), *Peristiwa* (1965), *Rantau Selamat* (1965) dan *Aku Tidak Minta* (1967). Novelnya yang penting ialah *Interlok* (1971) yang memenangi hadiah sagu hati Peraduan Novel Sepuluh Tahun Merdeka tahun 1967.

Dekad-dekad pengembangan jati diri itu bukan sahaja ditandai oleh kepelbagaian tema dalam novel-novelnya tentang dunia muzik, pembangunan, ekonomi dan sebagainya, tetapi juga penemuan serta penyuluhan terhadap tema-tema agama yang makin menyerlah dalam novel dan cerpen beliau. Puncaknya tidak lain daripada novel *Imam* (1995) yang memenangi hadiah pertama Hadiah Novel Nasional 1992/94 anjuran Utusan Melayu-Public Bank. Kejayaan ini secara tegas memperlihatkan iltizam tersebut, dan membuktikan kematangan seni kepengarangannya.

Laluan ke puncak kejayaan itu turut dirintis oleh satu unsur yang penting dalam seni mengarang, iaitu bahasa. Abdullah tampaknya amat menyedari kepentingan unsur ini, iaitu suatu kesedaran yang dikutip daripada pengalaman sebagai manusia biasa, penulis dan penterjemah.

Bagi Abdullah, bahasa yang kreatif dan indah bukan sekadar untuk menyatakan fikiran atau mengukir suasana hati seorang pengarang, tetapi juga sebagai alat perakam keanekaragaman pengalaman hidupnya. Dalam hubungan ini, Abdullah pernah menyatakan bahawa selain imaginasi yang kuat, pengarang perlukan penggunaan bahasa yang kuat. Sebab dengan bahasa pengarang dapat melahirkan tidak saja idea, konsep, tetapi juga gambaran yang paling kompleks dengan bayangan warna yang paling unik.



Abdullah mengakui bahawa kekayaan kisah hidupnya hasil pengembaraan yang dilakukannya tidak dapat dirakamkan keseluruhannya melalui wacana sastera. Namun, apa yang dapat dirakamkan ialah bahasa yang digunakannya cukup segar, dan demikian terasa kesannya.

Abdullah kurang menggemari penggunaan kosa kata dan ungkapan-ungkapan dialek, walaupun sebagai anak utara beliau bebas dan berkemampuan menggunakannya. Sebaliknya Abdullah lebih cenderung bereksperimen dan mempopularkan bentuk kata kerja dan kata nama yang jarang sekali digunakan, walaupun memang sedia tersenarai di dalam kamus. Antara perkataan yang dimaksudkan ialah: **berjongkok, mengacung-ngacung, pasrah, melongo, menjeluak, sasau, mendongkol, percecokan, bercokol, merembes, menyelinap, bergalau, kemaslahatan, cempelungan dan berkematu.**

Berbekal pengalaman yang luas serta bahasa kreatif yang berkesan, tidaklah menghairankan jika Abdullah dapat 'bercerita' dengan mengasyikkan. Cara beliau menghidangkan cerita dalam cerpen atau novel, sama mengasyikkan seperti caranya berbual secara lisan dalam suasana yang tidak formal. Gambaran ini menyerlahkan beliau sebagai seorang 'tukang cerita' yang unik. Gaya penceritaannya memperlihatkan keprihatinannya kepada tradisi penceritaan yang menjadi akar umbi bangsanya. Kehadirannya mengingatkan kita kepada seni penglipur lara yang sesungguhnya didasari oleh tanggapan yang kompleks tentang dunia penceritaan itu.

Abdullah berperanan sebagai tokoh penglipur lara yang berketrampilan dalam memaparkan cerita serta isu kekinian.

Sebagai seorang penglipur lara beliau tidak sekadar bercerita sahaja, tetapi turut mengisi peranan menghadirkan alam secara jelas dan ghairah seolah-olah ia hidup di sini dan sekarang ("here and now"). Tenaga penceritaannya menuju kepada pengolahan peristiwa: peristiwa demi peristiwa dihidangkan terus-menerus dengan agak licin dan lantang. Strategi demikian menjadi suatu kewajipan bagi penglipur lara supaya kita menghayati dunia yang dipaparkan itu. Andaiannya ialah bahawa fahaman dan kepekaan akan berhasil daripada naratif, kerana yang mendasari secara semula jadi dalam naluri manusia ialah cerita. Penekanan kepada naratif juga memperlihatkan kepekaan Abdullah akan alam kelisanan dalam masyarakatnya.

Cerita seorang penglipur lara merujuk kepada dunia luaran: kepada alam dan peristiwa fizikal yang dapat dihayati dan



digarap secara serta-merta. Strategi penceritaan tradisional demikian mengundang kesabaran daripada pembaca. Seperti kata peminat wayang kulit, cuma penonton yang sabar dan sanggup mengikuti persembahan sehingga larut malam akan dapat manfaat yang lebih dan istimewa, kerana pada akhir malam sahaja penonton akan memahami segala peristiwa: mitosnya, metafiziknya, dan kepekaan akan peristiwa sebagai suatu *archetype psyche* alam dan manusia yang dipaparkan. Tidak menghairankan sekiranya cerita itu diselesaikan dengan cepat kerana pada akhirnya yang penting bukan cerita tetapi perutusan.

Strategi penceritaan tradisional ialah membawa khalayak dari luar ke dalaman: *outside-in*; dan bukan seperti penceritaan moden atau ala Freud yang menuju terus ke dalaman. Dengan memperalatkan strategi tradisional ini Abdullah memperdaya pembaca untuk masuk kepada dunia kekinian secara terus-menerus, iaitu melalui tenaga dan naluri yang terkuat dan ter- tekan, iaitu cerita dan peristiwa. Dalam *Rantau Selamat* kita memasuki segala rupa peristiwa yang mengghairahkan yang hampir kesemuanya menyerlahkan cerita pembangunan. Kita hanyut dari peristiwa ke peristiwa yang ngeri dan pilu; kita diheret kepada arus penceritaan itu kerana olahan peristiwa mewajibkan; dan hanya pada akhir cerita sahaja kita bangun dengan kesedaran yang dihidangkan kepada kita tentang suatu mitos yang menggelorakan pembangunan. Dengan itu pengarang berhasil memenuhi tugas utama seorang penglipur lara: mencipta mitos akan dunia dan alam yang diceritakan itu sesuai dengan keinginan serta cita-cita murni masyarakatnya.

Strategi penceritaan *Interlok* lebih formal. Gabungan cerita mengenai setiap kaum yang diperkatakan itu dikotakkan kepada struktur bab. Strategi tradisi kelisanan dipadukan dengan strategi drama moden atau filem moden. Akan tetapi drama atau filem itu bukanlah sesuatu yang ingin mendalami jiwa tokoh cerita. Sebaliknya ia berupa suatu *morality tale* yang ingin membawa pembaca kepada naluri yang sejati dan positif.

Keakraban Abdullah dengan dunia perfileman Melayu mengizinkan beliau memperalatkan teknik seni itu. Strategi perfileman yang merujuk kepada dunia persembahan bangsawan diperalatkan semasa menggambarkan alam Raja Afrit dan kon- conya. Oleh kerana itu dunia syaitan yang memusuhi manusia yang murni cukup dirasai hadir. Pengarang teguh dengan fokus



naratifnya sama ada menggunakan strategi lisan, drama bertulis atau filem.

Novel Abdullah *Imam*, berupa suatu pembaharuan kerana memperkenalkan strategi multifokus. Dengan novel yang terbaru ini pengarang sekali lagi mengahwinkan strategi tradisional, iaitu, penceritaan tradisional dengan kepekaan kekinian, yang mendalami suatu kewujudan dengan pelbagai penglihatan. Novel *Imam* memperjelas keupayaan Abdullah menghayati dunia idea secara terus-menerus dan bukan lagi sekadar penceritaan sahaja.

Dengan pengalaman seni, kreativiti serta peningkatan mutu karya-karyanya, Abdullah memperlihatkan kemampuannya sebagai salah seorang pengarang yang berwibawa dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden. Sumbangan-sumbangannya mewajarkan beliau menerima anugerah tertinggi negara dalam bidang kesusasteraan, iaitu Anugerah Sastera Negara.



NOVEL

DALAM dunia penulisan novel, Abdullah Hussain adalah novelis yang prolifik. Setakat ini beliau telah menghasilkan 25 buah novel termasuk 6 buah manuskrip yang hilang. Novel pertama diterbitkan pada tahun 1941 di Johor Bahru dengan judul *Dia ... Kekasihku*, diikuti novel *Kasih Isteri* dan yang terbaharu novel *Imam* tahun 1995. Sebagai seorang novelis yang perkembangannya menjangkau lebih lima dekad itu, Abdullah menggandingkan bakatnya dengan kepekaan kepada persekitaran penghasilan sastera yang mengelilinginya, termasuklah soal isu-isu semasa, cita rasa pembaca, aliran, gagasan serta konvensi sastera, yang kesemuanya disaring, dicerakin dan seterusnya dimanfaatkan dalam penulisan.

Kehadirannya sebagai seorang novelis dan sumbangannya kepada khazanah sastera Melayu tidak dapat dipertikaikan. Pencapaiannya ini diperakukan melalui hadiah-hadiah yang dimenangkannya dalam peraduan-peraduan penulisan kreatif yang disertainya. Dengan kata lain, karya-karya tersebut telah melalui satu proses saringan, penilaian serta penghakiman dan didapati layak untuk diperaku dan seterusnya diberi penghargaan sebagai karya sastera yang bermutu. Abdullah juga menghasilkan karya, yang jauh lebih banyak daripada yang dituliskannya untuk menyertai peraduan. Karya-karya tersebut memperkukuhkan lagi kehadirannya dalam dunia sastera Melayu moden.

Novel-novel Abdullah Hussain memaparkan penceritaan yang mudah, dalam erti kata beliau seolah-olah mengambil sikap bahawa bercerita adalah alat atau cara paling mudah, tetapi menarik untuk menyampaikan dan menjelaskan sesuatu



perutusan yang baik. Dengan sikap sedemikian, beliau mengelak daripada melakukan kuruwetan yang kompleks dalam hampir setiap karyanya. Beliau kurang berminat untuk melakukan percubaan dengan menggunakan teknik-teknik baru daripada tradisi luar secara melulu. Kejayaan pada karya-karya beliau lebih banyak bersandarkan kepada bakat alamiahnya sendiri, yang kuat terbentuk oleh lingkungan tradisi, budaya dan agamanya.

Dalam karya-karyanya Abdullah menggarap berbagai-bagai persoalan daripada soal kemiskinan dan pembangunan di kampung-kampung kepada soal seni muzik dan pergaulan bebas di kota, hinggalah kepada hal-hal yang menyentuh keagamaan. Beliau juga meneroka pelbagai latar kehidupan baik di desa terpencil dengan kehidupan orang-orang kampung yang serba daif tetapi gigih, hinggalah kepada dunia niaga yang terdiri daripada ahli-ahli perniagaan yang beragam. Persoalan-persoalan ini dapat diikuti dalam novel *Konserto Terakhir* yang diterbitkan pada tahun 1980. Abdullah menelusuri liku-liku hidup seorang pemain pemuzik yang tidak mempunyai latihan formal dalam bidang tersebut tetapi hanya bermodalkan bakat semula jadi, azam dan cita-cita. Novel ini mengisahkan kehidupan Hilmi, anak kampung yang menghambakan diri di rumah saudaranya sendiri, menapak sedikit demi sedikit dalam dunia muzik di samping memendam rasa terkilan untuk meraih kebahagiaan yang tidak juga dikecapi. Dalam cerita ini juga tersulam kritikan terhadap tindak-tanduk golongan kaya dan ternama yang angkuh yang merasakan diri mereka berkuasa.

Cerita berkembang sejajar dengan rebah bangunnya Hilmi dalam kerjayanya. Dari pekerjaan sebagai pemain muzik percubaan di kelab malam, beliau menjadi ahli kugiran, seterusnya penggubah lagu di belakang tirai hingga akhirnya beliau menjadi penggubah yang terbilang dan dikenali ramai. Hilmi menjalani kehidupannya dengan tabah walaupun sering dirundung kesugulan.

Ceritanya memuncak hingga ke penamat. Pada bab akhir ini, sarat dengan berbagai-bagai jalur cerita yang kemudiannya disimpulkan dalam satu penyelesaian yang di luar dugaan. Selain berperanan sebagai kemuncak cerita, babak-babak akhir ini juga merupakan kekendurannya atau *denouement*. Untuk mengekalkan suasana ketegangan khususnya pada bahagian akhir, novel ini menggembleng unsur-unsur ala *thriller*. Dalam kegentingan tidak adanya Hilmi untuk memimpin orkestra di



pertunjukan perdana, muncul wanita yang tiba dari London tepat pada waktunya, lengkap dengan gubahan muzik yang bakal dipersembahkan, bakat dan kemampuan yang menakjubkan serta kesediaannya menyamar sebagai seorang lelaki hingga tidak dikenali oleh ibu ayahnya sendiri. Dengan terselamatnya situasi genting pertunjukan perdana, keredaan mula terasa. Namun begitu ketegangan cerita dikekalkan apabila keadaan kesihatan Hilmi semakin mencemaskan.

Seterusnya cerita meluncur tanpa reda untuk membuka rahsia yang terpendam berpuluh-puluh tahun iaitu identiti ayah kandung Hilmi. Hilmi meninggal dunia tanpa mengetahui perkara sebenar dan berita kematiannya diikuti pula oleh kematian ayah kandungnya lantaran terkejut akan berita tersebut. Kematian ini menamatkan cerita dengan kemas, sedangkan penyesalan dan keinsafan serta ikrar untuk memperbaiki diri masing-masing oleh watak-watak yang terlibat dalam penderitaan Hilmi, iaitu angkara yang menjadi rempah ratus naratif ini, telah pun didamaikan dan disenaraikan pengarang dengan teratur sebelum ini. Cerita diakhiri dengan nada kesal atas pemergian seorang seniman agung, iaitu pengesahan kewibawaan protagonis cerita ini selaku seorang ahli muzik terbilang dan konserto terakhir gubahannya. Dan dengan itu juga novel ini memperaku dan mempertanggungjawabkan seni muzik sebagai bidang seni yang terhormat.

Keistimewaan novel ini diperlihatkan dari segi penonjolan persoalan kebesaran Tuhan yang mencipta manusia dengan kebolehan-kebolehan tertentu, yang berbeza antara satu dengan yang lain iaitu setiap manusia ada keistimewaannya sendiri yang harus dihargai. Novel ini mengutamakan pendirian bahawa kedudukan dan kekayaan adalah ciptaan manusia, bukannya penentuan Tuhan. Hal ini juga menyerlahkan hakikat bahawa pengarang memiliki pengalaman dan pengetahuan yang agak baik terhadap cara dan sikap hidup pelbagai golongan masyarakat.

Begitu juga dalam novel *Noni* yang dihasilkan pada tahun 1976, Abdullah Hussain menumpukan perhatian kepada persoalan cinta murni. *Noni* memperkatakan tentang cinta yang meredahi berbagai-bagai benteng serta pengorbanan yang dikaitkan dengan cinta yang suci. Ceritanya mudah dan dibina menurut pola konflik yang disusuli dengan penyelesaian.

Untuk memperhebatkan konflik dan seterusnya cinta yang bakal terserlah, pengarang telah menemukan dua insan dari-



pada kelas dan keturunan yang jauh berbeza. Perbezaan yang demikian merupakan persediaan cerita yang mudah dan berkesan kerana ia membuka ruang bagi kemasukan halangan-halangan yang berbagai-bagai. Jurang perbezaan keturunan yang luas, memastikan halangan besar yang dihadapi dan menuntut pengorbanan dan ketabahan yang bukan sedikit. Justeru itulah perbezaan yang wujud bukan saja dari segi kelas, status dan keturunan tetapi juga sikap dan prasangka yang sudah mendarah daging. Pada satu pihak, di kalangan orang atasan yang taksud dengan soal "bangsa" dan status, dan pada pihak lain di kalangan orang-orang kampung yang dibebani dengan rasa kerdil diri. Berlatarbelakangkan persoalan status, maka tidak hairanlah perkahwinan Ramli yang hidup miskin dan Noni daripada kalangan berbangsa secara terang-terangan mendombrak *status quo*, menggoncang kelicinan hidup yang sedia ada.

Kejutan dan keharuan dalam cerita didamaikan sedikit demi sedikit dengan mematikan Ramli. Kematian Ramli menutup peluangnya untuk menolong orang kampung sebagai menebus kesilapannya. Bagaimanapun peristiwa ini memberi jalan kepada Noni untuk mendamaikan keadaan, sesuai dengan perannya sebagai protagonis. Cerita menggambarkan Noni sebagai watak yang gigih berusaha untuk membaiki keadaan tetapi usahanya tidak berhasil. Cerita memerlukan penyelesaian yang lebih berkesan. Untuk itu Noni menemui ajalnya dalam perjalanan pulang ke kampung Ramli untuk menziarahi kubur suaminya. Dengan kematian ini kelicinan hidup mula dipulihkan.

Pengakhiran cerita yang sedemikian merupakan penyelesaian yang kemas, yang dapat merungkaikan kesemua jalur-jalur yang berantakan sebelum ini. Ibu bapa Noni insaf dan memaafkannya, begitu juga orang-orang kampung yang mendendami Noni selama ini mula menziarahi kubur Noni untuk meminta maaf. Lebih penting lagi, wang insurans nyawa Noni sebanyak RM50 000 yang diamanahkan untuk anak-anak kampung dapat membantu mengatasi kekurangan wang, iaitu hambatan besar yang selama ini membelenggui anak-anak kampung daripada meneruskan pelajaran mereka.

Di samping menyajikan cerita cinta yang mudah dengan penyelesaian yang kemas, Noni juga menarik perhatian pembaca kepada soal kasta, kelas dan benteng-benteng yang seumpamanya yang banyak menentukan suka duka hidup manusia.

Buih di Atas Air pula meninjau dunia dagangan secara



besar-besaran baik yang melibatkan bumiputera dalam kongsi niaga yang bersifat Ali-Baba mahupun perniagaan yang dijalankan secara bersendirian. Dunia tersebut digambarkan sebagai satu perlumbaan hidup mati yang sengit dengan budaya *survival*nya yang tersendiri. Melalui protagonisnya, Nordin, kerani kecil yang dikatakan bersopan santun, berubah wataknya setelah memasuki dunia dagang itu.

Cerita bergerak dengan cepat, sesuai dengan dunia dagang yang digambarkan. Oleh kerana itu perubahan watak tidak disorot secara mendalam tetapi lebih dipersembahkan sebagai sesuatu yang sudah terlaksana atau *fait accompli*. Justeru itulah sebaik saja diperkenalkan kepada dunia dagangan, Nordin terus dibawa arus persekitaran barunya yang penuh *glamour* tanpa diperlihatkan dengan mendalam konflik batin watak ini sebelum dia dapat menguasai sepenuhnya budaya dunia tersebut. Dari kerani kecil, Nordin menjadi pengarah eksekutif yang tidak lagi canggung dengan budaya kerja atau *wheeling dealing* dan lebih-lebih lagi ganjaran atau *perks* dunia tersebut. Begitulah, cerita dibina dari satu "projek" ke satu "projek" sama ada "projek" majikan ataupun peribadi. Yang mendasari kegiatan ini semua ialah suasana kerakusan, jenayah dan penipuan yang menjaral bukan saja kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam dunia ini tetapi juga mereka yang berkaitan dengannya.

Sebagaimana cepatnya perubahan Nordin, begitu juga cepatnya penginsafannya. Seterusnya penginsafan ini dipertanggungjawabkan dengan selitan maksud ayat Qur'an dari Surah al-Baqarah pada akhir cerita.

"Bukanlah yang baik bahawa kami menghadapkan wajah kami ke arah Timur dan Barat. Tetapi yang baik ialah orang-orang yang beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat-malaikat, kitab-kitab suci, dan para nabi serta membelanjakan harta yang dicintainya kepada kaum kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang musafir di jalan Allah, peminta-peminta dan hamba-hamba yang ingin memerdekakan dirinya, selanjutnya mereka senantiasa menuaikan sembahyang dan membayarkan zakat." (*al-Baqarah*: 177).

Walaupun penyelesaian yang demikian agak mendadak, *Buih Di Atas Air* berperanan sebagai jendela kepada dunia dagang yang melibatkan tipu muslihat, rasuah, bunuh diri, pecah amanah, perhubungan sulit yang terlarang dan penjualan



maruah dan harga diri. Namun di tengah-tengah kancah ini terpercik juga nilai suci, hatta ia sukar atau jarang ditemui.

Pada dekad 1960-an, Abdullah menghasilkan *Kuala Lumpur Kita Punya*. Penulisan novel ini harus difahami dalam konteks yang lebih luas, khususnya dalam kerangka jalur-jalur dominan yang ketara pada dekad tersebut yang dicirikan, antara lain, oleh kemunculan satu aktiviti penerbitan karya-karya yang menjurus kepada bentuk picisan yang melahirkan cerita-cerita cinta dan juga cerita-cerita yang dikenali sebagai novel erotik.

Sebagai produk zaman tersebut, *Kuala Lumpur Kita Punya* mencerminkan eksperimen Abdullah dengan bentuk yang demikian. Pada dasarnya novel ini memperagakan persoalan yang serius iaitu coretan hidup di kota Kuala Lumpur yang penuh dengan pancaroba. Ia berlegar sekitar tindak-tanduk beberapa orang anak muda yang tinggal serumah. Walaupun persoalannya serius, cabaran hidup di kota ini tidak lebih dari bingkai yang diadakan untuk memungkinkan kemasukan babak-babak yang condong kepada babak erotik. Ini ternyata pada plot yang longgar, jalan cerita yang tidak terkawal dan elemen “di luar jangkauan” yang digunakan untuk tujuan selain daripada untuk membantu cerita dengan sewajarnya. Pertimbangan lain yang lebih penting seperti estetika atau idea tidak jelas dalam novel ini. Namun begitu penyelesaian novel ini memberi pandangan yang sebaliknya apabila Johan, watak yang banyak terlibat dalam kegiatan yang terlarang, terjebak dalam perangkap wanita yang dipermainkannya, dan ditangkap polis. Penyelesaian yang ringkas ini cuba menegaskan segala perbuatan yang dilakukan oleh Johan dan watak-watak lain yang serupa dengannya perlu ditolak kerana bersalahan dengan moral dan nilai hidup.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Abdullah Hussain juga mencuba bakatnya dengan menyertai pelbagai peraduan menulis, terutamanya selepas merdeka, banyak peraduan penulisan novel dianjurkan oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri dan juga badan-badan swasta. Selain daripada salah satu cara untuk menambah bilangan novel-novel Melayu, peraduan juga menjadi saluran untuk mengasah atau menguji bakat secara sah dan terhormat. Abdullah Hussain juga tidak melepaskan peluang menguji kemampuannya dalam peraduan-peraduan tersebut. Sebagai karya yang dihasilkan untuk peraduan, novel-novel tersebut dari satu segi memperlihatkan keprihatinan pengarang memenuhi tuntutan dan syarat peraduan yang berbagai-bagai,



sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat, sesuai dengan matlamat peraduan tersebut. Dari segi yang lain novel tersebut juga memperlihatkan kreativiti pengarang mentakrif dan sekali gus memenuhi tuntutan-tuntutan peraduan tersebut melalui cerita yang diolah, persoalan yang diketengahkan dan elemen penceritaan yang digembleng untuk membangunkan sebuah penceritaan yang hidup.

Rantau Selamat juga pada awalnya diusahakan untuk tujuan memasuki peraduan mengarang novel yang kedua anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1962 tetapi kerana lewat disiapkan, novel tersebut tidak dapat diajukan untuk peraduan tersebut. Sesuai dengan suasana selepas merdeka yang penuh dengan optimisme dan juga hasrat untuk “mengisi kemerdekaan”, novel ini menyerlahkan kegigihan seorang anak kampung yang ingin mengubah diri dan kampungnya. Melalui Hassan, belia yang berkelulusan sekolah Melayu, dan rakan-rakan sebaya dengannya, pengisian kemerdekaan ini dimanifestasikan secara konkrit menerusi projek-projek yang diusahakan dengan gigih hatta menghadapi pelbagai rintangan. Hassan tidak patah semangat untuk membangunkan kampungnya yang serba daif itu. Novel ini distrukturkan sedemikian untuk memperlihatkan peranan Hassan sebagai agen perubahan dan pembangunan yang dinamis. Sehubungan ini, tali air, klinik, jambatan, sekolah, koperasi dan sebagainya diajukan sebagai simbol konkrit “pembangunan” yang diimpikan Hassan. Pembangunan seperti ini diperakukan apabila pada akhir cerita projek-projek yang diusahakan selesai dan membuahkan hasil. Dalam konteks ini persepsi pembangunan lebih menjurus kepada pembangunan fizikal, dan pembangunan mental seperti perlunya sikap yang positif dan terbuka, kesediaan menerima perubahan dan sebagainya. Persepsi ini muncul sebagai jalur yang dominan dalam landskap naratif Melayu moden terutama dalam penerbitan novel di hujung tahun 1960-an dan awal 1970-an.

Pada keseluruhannya *Rantau Selamat* adalah rentetan peristiwa yang dijalinan dalam satu rangkaian cerita. Skema begini memungkinkan kemasukan episod yang pelbagai dan rencam – dari yang ngeri dan mencemaskan kepada yang pilu dan mengharukan malahan episod yang romantik serta mengasyikkan. Sehubungan dengan itu, cerita lebih bergantung kepada aksi fizikal jika dibandingkan dengan aksi mental, sesuai dengan skema cerita yang menjejerkan peristiwa demi peristiwa dan juga menekankan pembangunan fizikal daripada pembangunan



mental dan rohaniah. Justeru itu novel ini sarat dengan “projek-projek” yang diusahakan oleh protagonis, dan cerita berkembang sejajar dengan rebah bangun dan maju mundurnya projek-projek tersebut. Cerita berakhir apabila projek yang diusahakan selesai dilaksanakan atau mendapat persetujuan untuk dilaksanakan.

Sesuai dengan harapan dan semangat yang mengelilingi peraduan tersebut, novel ini dengan jelas memperakukan pembangunan, guna meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu kampung dan kesedaran mereka tentang peri pentingnya mengambil kesempatan untuk memajukan diri. Turut ditonjolkan ialah keyakinan kepada golongan belia sebagai golongan yang mampu memajukan negara dan sebagai penggerak kegiatan yang bercorak kolektif atau gotong-royong. Sehubungan dengan ini juga *Rantau Selamat* sekali gus memperakukan nilai-nilai murni yang dikaitkan dengan rantau Melayu, yang diwarisi sejak zaman-berzaman.

Sebuah lagi novel yang dihasilkan untuk peraduan ialah *Interlok*. Novel ini telah diajukan untuk peraduan mengarang novel 10 tahun merdeka memenangi hadiah penghargaan. Sesuai dengan peristiwa sejarah yang dirai itu, peraduan ini menetapkan tema yang “berlatarbelakangkan kepada Perjuangan Kemerdekaan, Pembangunan Negara dan Penghidupan di Tanah Air Kita”. (Peraturan dan Syarat-syarat Peraduan Mengarang Novel 10 Tahun Merdeka, Kuala Lumpur, 9 Disember 1967).

Sesungguhnya adalah tidak janggal sesebuah karya sastera yang dihasilkan atas nama perayaan 10 tahun negara merdeka mencerminkan hasrat dan semangat peristiwa gemilang itu. *Interlok*, adalah manifestasi semangat tersebut dalam bentuk fiksi. Sehubungan dengan ini, bagi Abdullah Hussain persoalan yang tepat untuk diungkap ialah persoalan integrasi kaum, iaitu satu persoalan yang memang dekat dengan kehidupan harian rakyat Malaya dan juga persoalan yang memang dititikberatkan oleh kerajaan. Menerusi tiga keluarga yang mewakili tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India, *Interlok* merakamkan intisari sejarah negara ini, khususnya sejarah Malaya menjelang kemerdekaan, dan perjuangan ketiga-tiga kaum ini untuk sama-sama mencorak dan mewarnai hidup mereka di bawah satu payung negara yang berdaulat dan merdeka.

Dalam menangani soal integrasi kaum ini, *Interlok* memperlihatkan satu strategi penceritaan yang lebih formal dan teran-



cang. Cerita dibahagi kepada empat bab, setiap satu bab diperuntukkan bagi tiap-tiap kaum Melayu, Cina dan India sementara bab keempat dikhaskan untuk ketiga-tiga kaum ini “berinterlok” dalam satu jalinan padu dan mesra. Bab akhir ini diberi judul “interlok”. Penstrukturan seperti ini menjadikan bab satu hingga tiga sebagai “persediaan” kepada bab keempat yang mengandungi amanat cerita sepenuhnya untuk dihayati. Ini juga menjadikan bab keempat sebagai “klimaks” penceritaan tersebut.

Adalah tidak keterlaluan jika diandaikan sebuah novel yang memasuki peraduan seperti itu menangani soal perkauman dan integrasi kaum dengan sewajarnya. Dari segi ini tajuk “interlok” memang bertepatan. Plot novel ini berorientasikan peristiwa dan plot yang sedemikian dapat menggerakkan cerita dari satu kisah ke satu kisah dengan mengekalkan minat untuk terus mengikuti cerita selanjutnya. Ini diperkuatkan lagi dengan perincian dari segi persekitaran fizikal yang menjadikan cerita ini grafik, hidup dan juga panjang.

Novel ini juga memperlihatkan pengarang bukan saja menguasai jalan cerita yang bukan kronologi tetapi juga menguasai pelbagai unsur lain terutamanya sejarah tanah air, sejarah kedatangan kaum-kaum Cina dan India ke Malaysia, keadaan sosial dan budaya pelbagai kaum dan pengalaman hidup pengarang sendiri.

Dalam mengetengahkan pergeseran manusia yang berbeza agama, budaya dan bangsa, novel ini memperlihatkan berbagai-bagai muslihat yang digunakan untuk *survival*, dari penipuan hinggalah kepada pembunuhan. Novel ini juga penuh dengan situasi-situasi perhubungan sesama manusia, keakraban yang terjalin, rasa peri kemanusiaan yang luhur, budi pekerti yang mulia, kesefahaman dan sebagainya, iaitu rempah ratus yang perlu wujud dalam masyarakat yang berbilang kaum demi mengekalkan keharmonian. Semangat inilah yang ditonjolkan dalam novel ini, sesuai dengan suasana persekitaran peraduan yang melahirkannya.

Penelitian terhadap perkembangan Abdullah Hussain sebagai penulis, khususnya sebagai novelis jelas memperlihatkan perkembangan dari bentuk ala *Kuala Lumpur Kita Punya* kepada satu kecenderungan yang jauh berbeza kini. Abdullah menjuruskan komitmen penulisannya dengan kecenderungan keislaman-nya yang kental seperti yang dapat dilihat dalam *Masuk ke Dalam Cahaya*, novel yang memenangi hadiah penghargaan



Peraduan Mengarang Novel Bercorak Islam anjuran Yayasan Islam Terengganu. Peraduan ini dilancarkan sempena Hari Sastera 1978 yang bertemakan "Islam Sebagai Sumber Sastera".

Sesungguhnya pada dekad 1970-an pelbagai aspek kehidupan dicirikan oleh kebangkitan Islam dan dimanifestasikan dalam kegiatan dakwah yang meliputi berbagai-bagai aspek kehidupan termasuk sastera. Dalam konteks sastera, dekad ini dipenuhi dengan wacana sastera Islam yang berusaha memberi kefahaman tentang kedudukan seni dan sastera dalam Islam dan tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan kegiatan seni sastera menurut persepektif Islam. Dalam hal ini Surah al-Shuara (26): 224–228 menjadi rujukan untuk menonjolkan kesedaran akan dwiperanan manusia sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi, hatta dalam seni sastera. Dengan kesedaran inilah Yayasan Islam Terengganu mengundang para penulis menghasilkan novel bercorak Islam. Ini jelas tertera pada tema peraduan tersebut dan juga syarat peraduan iaitu: "... karya yang dihasilkan mestilah mencerminkan dan menegakkan pemikiran Islam dalam kehidupan manusia sama ada dalam aspek kemasyarakatan, aqidah, moral, ekonomi, politik dan sebagainya" ("Sayembara Novel Islam Bermula", *Utusan Zaman*, 8 Oktober 1978).

Sebagai usaha menyahut seruan tersebut *Masuk ke Dalam Cahaya* dihasilkan. Sesuai dengan tuntutan agar novel yang dihasilkan itu bercorak Islam, beberapa strategi penceritaan telah digembleng untuk menonjolkan identiti Islam tersebut. Yang paling jelas ialah tajuk novel itu sendiri yang diambil dari ungkapan dari Surah al-Baqarah: 257 yang bermaksud:

Tuhan adalah pelindung orang yang beriman. Ia keluaran mereka dari kegelapan masuk (ke dalam) cahaya tapi orang yang tiada beriman pelindungnya ialah syaitan yang membawa mereka dari cahaya (masuk) ke dalam kegelapan mereka ialah penghuni api (neraka) mereka tinggal di dalamnya selama-lamanya.

Cerita hanya bermula selepas petikan maksud surah tersebut yang menghiasi ruangan prelim. Ini adalah satu konvensi yang jarang ditemui dalam produksi novel dewasa ini tetapi dianggap oleh penulisnya sesuai untuk menyerlahkan orientasi keislaman dalam novel ini.

Selain itu, novel ini juga memaparkan dunia naratif yang menggabungkan manusia dan juga watak-watak bukan manusia seperti iblis, syaitan dan sebagainya untuk sama-sama meng-



huni dunia tersebut. Sehubungan dengan ini, dunia syaitan disajikan dalam bentuk dramatik iaitu melalui penatapan dunia tersebut secara terus-menerus, di sini dan kini atau *here and now*. Novel memperlihatkan singgahsana Raja Afrit, cara bagaimana watak ini mentadbir bala tenteranya, bentuk ganjaran dan hukuman yang digunakannya untuk melunak atau menundukkan suruhannya dan sebagainya. Peluasan dunia naratif seperti ini mempunyai implikasi yang tertentu khususnya kepada moral cerita ini.

Skema moral cerita ini menarik perhatian kepada pergolakan antara yang hak dan yang batil dalam satu pertembungan yang cukup menentukan. Dalam pertembungan ini dan juga kesan kesudahannya, kekaburan moral tidak timbul sama sekali. Moral yang jelas atau *moral clarity* seperti ini dicapai melalui penggemblengan watak dan kehadiran iblis dan syaitan dalam dunia naratif tersebut. Umpamanya, pengarang mengetengahkan watak-watak antagonis yang terdiri daripada, bala tentera Raja Afrit, Hasut, Goda, Nafsu, Tamak, Dengki dan sebagainya, yang mempunyai tugas khas mengikut nama masing-masing. Di pihak yang lain pengarang mengemukakan watak manusia yang gigih menjalani hidup menurut lunas-lunas Islam, iaitu penduduk Kampung Cahaya. Sesungguhnya nama kampung itu sendiri mempunyai asosiasi dengan ungkapan yang dipetik dari Surah al-Baqarah dan menjadi prelim novel ini. Apa yang jelas pergelutan antara yang hak dan yang batil telah ditempatkan dalam gelanggang untuk menentukan skema moral. Sebagai klimaks cerita dan penyelesaian, pergelutan ini juga akan menggarisbawahkan skema moral cerita itu. Apa yang berlaku ialah dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur'an sebagai senjata, penduduk Kampung Cahaya menumpas Raja Afrit dan sekali gus mendedahkan betapa kosong dan jeleknya kekayaan dan keindahan yang diperagakan oleh syaitan untuk memperdayakan manusia. Dan dengan itu juga berlakulah seperti yang telah dijanjikan dalam ayat 257 Surah al-Baqarah, pembuka tirai cerita ini.

Sesungguhnya bagi Abdullah Hussain misi menulis novel ini jelas. Kebenaran Islam mesti diperakukan dan strategi penulisan telah digembleng untuk memenuhi tujuan tersebut.

Kecenderungan keislaman ini lebih ketara dan mantap dalam novel *Imam* iaitu novel ketiga Abdullah Hussain yang memenangi peraduan. *Imam* mendapat hadiah pertama dalam peraduan Novel Nasional 1992/94 sempena mengenang Allah-



yarham Pak Sako. Sebenarnya novel *Imam* ditulis bukan untuk menyertai peraduan tersebut atau mana-mana peraduan pun. Ia telah siap ditulis sewaktu peraduan Novel Nasional diiklankan dan atas desakan seorang kawan, Abdullah turut menyertakan karyanya dalam peraduan tersebut. Abdullah mengambil masa lebih daripada tiga tahun untuk menyelesaikan *Imam*, masa yang lama itu telah digunakannya untuk membaca pelbagai bahan dan membuat penyelidikan. Dengan kata lain, *Imam* ialah hasil pencarian dan renungan yang dirancang dan dengan kesedaran.

Dari segi fizikalnya novel ini memperlihatkan kelainan dengan menyimpang daripada tradisi lumrah tulisan kreatif. Novel ini dilengkapi dengan nota akhir dan juga bibliografi, iaitu konvensi yang sering dikaitkan dengan tulisan akademik. Penggunaan konvensi ini dalam sebuah tulisan fiksiyen, menjadikannya sebagai sebahagian daripada novel yang serius yang menitikberatkan soal-soal akademik seperti kesahihan dan kewibawaan sumber, ketepatan rujukan dan sebagainya. Selain itu juga ada implikasinya terhadap aspek isi novel.

Sesuai dengan tajuknya *Imam*, novel ini berlegar pada seorang imam, Haji Mihad, yang menjadi protagonis cerita. Penstrukturan cerita memberikan fokus kepada protagonis. Umpamanya, watak imam ini diberi tempoh penceritaan atau *story time* yang maksimum dan disorot dari berbagai-bagai aspek. Ini dapat dilihat dari gabungan berbagai-bagai teknik penceritaan yang digembleng untuk membina dan menghidupkan watak tersebut. Imam Mihad diperlihatkan beraksi secara terus-menerus dan dramatik dalam berbagai-bagai peristiwa dari yang cemas dan ngeri kepada yang sedih, melucukan dan sebagainya. Begitu juga melalui bab "interview" watak ini dibina melalui tanggapan orang lain yang berbeza dan menyeluruh yang meliputi teman dan lawan, keluarga dan kenalan, masing-masing dengan prasangka dan kecenderungannya sendiri. Seterusnya melalui bab "inquisisi" diperlihatkan dimensi watak yang lain iaitu mentalnya. Dengan itu pembinaan watak imam dapat dibuat secara menyeluruh dan padu. Ini menghidupkan lagi watak tersebut dan menolong menjitukan fokus cerita.

Penggunaan watak imam sebagai fokus cerita memberi implikasi ke atas elemen penceritaan yang digunakan. Disebabkan peranannya sebagai imam, maka sifat-sifat yang sering dikaitkan dengan peranan ini dapat digunakan sebagai sebahagian daripada alat penceritaan. Unsur yang paling ketara ialah



didaktisme. Dalam konteks penulisan novel dewasa ini, unsur tersebut dianggap kurang *subtle* atau mendadak dan ketinggalan zaman. Namun begitu penggunaannya dalam *Imam* tidak terasa janggal dan wajar kerana ia sesuai dengan fokus cerita tersebut yang sememangnya menetengahkan seorang tokoh dan guru agama yang antara tugasnya ialah membimbing dan mendidik anak buahnya dalam aspek-aspek agama. Sehubungan dengan ini, aspek “pengajaran” yang dikaitkan dengan didaktisme, dimanfaatkan untuk meluaskan dimensi cerita supaya merangkumi satu pertimbangan penting dalam skema novel ini, iaitu pertimbangan idea.

Rata-rata dalam membina ceritanya Abdullah Hussain banyak memanfaatkan aksi fizikal dan peristiwa untuk memajukan cerita ke hadapan. Ini terdapat dalam novel-novelnya sebelum ini, dan *Imam* tidak terkecuali dari bentuk penceritaan begini. Namun begitu dengan *Imam* pengarang turut juga mengemblend idea sebagai penggerak cerita yang berkesan. Dan cerita berkembang sejajar dengan idea yang diketengahkan. Ini umpamanya jelas kelihatan pada bab “Inquisisi” di mana idea memainkan peranan yang dominan dalam penstrukturan dan pembinaan bab tersebut secara khusus dan cerita secara keseluruhannya. Sehubungan itu, ketegangan cerita dikekalkan melalui persoalan-persoalan yang diujahkan, yang bersifat kontroversial dan mengundang perdebatan, huraian, pembelaan, tangkisan dan sebagainya. Dengan ini idea mendapat olahan kerana berbolak-balik dari satu pihak ke pihak yang lain, mendapat ulasan dari perspektif berlainan di samping memajukan cerita dan memadatkan watak Imam Mihad daripada dimensi pemikiran.

Fokus pada idea ini dan keseriusan persoalan-persoalan yang dibincang itu diperkukuhkan dengan format ala tulisan akademik. Dari segi ini jugalah nota akhir dan bibliografi itu memberi kesan *credibility*, iaitu kesan yang perlu bagi sebuah novel yang mementingkan idea untuk memainkan peranan dalam penceritaan.

Sesungguhnya dengan cerita yang berlegar kepada seorang imam yang kontroversial sehingga memerlukan pembicaraan, *Imam* memang mengundang pertikaian yang berlarutan, dan sekali gus membuka jalan bagi pengemblendan idea sebagai elemen cerita yang sah. Dalam *Imam* pembaca disogokkan dengan beberapa masalah dan persoalan yang berkaitan dengan agama Islam yang dihadapi oleh orang Melayu dalam kehidup-



annya sehari-hari. Ini termasuklah soal aqidah, amalan, mazhab, Wahabi, Syiah dan sebagainya. Walaupun persoalan ini bukanlah baru dan sering pula diperkatakan, dan bagi yang arif dalam hal agama mungkin boleh dikatakan perkara biasa, namun dengan kehadiran idea-idea ini mengangkat *Imam* dari tahap naratif semata-mata ke tahap yang lebih berbobot. Dengan kata lain, dalam novel ini “kandungan idea” atau *idea content* tidak terabai.

Selain itu, dalam novel ini Islam tidak diungkap secara serpihan, tetapi dengan langsung dan tuntas, novel ini menyorot persoalan kehidupan dari perspektif Islam seutuhnya. Yang lebih menarik ialah pengarang memilih dengan tepat lokasi “masjid” sebagai pusat atau wadah utama yang memancar dan menggerakkan segala nadi kehidupan Islam. “Masjid” sebagai rumah Allah dan rumah ibadat adalah tempat bermulanya penanaman dan penyuburan sikap dan segala bentuk kegiatan dan kehidupan yang bernilai Islam, yang kemudiannya tersebar dan diamalkan di kalangan masyarakat seluruhnya. Di sini juga “masjid” menjadi lambang kehidupan yang berbagai-bagai rupa dan corak. Ini disesuaikan dan diperkuatkan pula dengan penampilan watak utamanya seorang “imam”, iaitu pemimpin agama. Kemunculannya itu menyaranakan bahawa kehidupan yang berlandaskan agama atau Islam itu perlu diperlihatkan dan diamalkan dahulu oleh ketuanya atau “imam” sebelum ia dapat dicontohi dan dihayati sepenuhnya oleh masyarakat umum. Penonjolan kedua-dua hal ini adalah wajar dan bermakna sekali dalam konteks kedudukan Islam dalam kehidupan muslim dan muslimah. Ia ternyata sengaja dipilih oleh pengarang dengan penuh kesedaran dan wawasan.

Walaupun dari segi penulisan, *Imam* tidak sepi daripada kelemahan, namun novel ini memperlihatkan kematangan melalui gandingan kemahiran bercerita dengan usaha memuatkan pertimbangan idea yang dikendalikan dengan sebaik-baiknya. Pertimbangan idea ini dipersembahkan dalam satu komposisi yang menyimpang daripada konvensi karya kreatif biasa, tetapi masih mengekalkan ciri-ciri seni fiksiyen dan seterusnya memperagakannya sebagai karya kreatif.

Sebagai novelis, Abdullah memberikan sumbangan yang besar kepada khazanah sastera negara melalui karya-karya novelnya. Dengan garapan persoalan yang pelbagai dan penerokaan latar yang rencam, novelnya dapat memindahkan khalaq pembaca ke dunia imaginasi yang beraneka, sarat dengan



konflik dan penyelesaian. Keterlibatannya dalam dunia penulisan yang lama itu jelas memperlihatkan perkembangan dan kemantapan Abdullah sebagai novelis. Dari bereksperimen dengan novel ala picisan kepada novel yang menggarap persoalan-persoalan besar dan serius, Abdullah menemukan kekuatan atau *fortenya* kepada sastra yang cenderung kepada Islam. Dalam konteks ini, apa yang penting bagi Abdullah ialah Islam bukan sahaja merupakan strategi penceritaan tetapi lebih daripada itu Islam adalah pemikiran yang wajar mendasari pembinaan sesebuah naratif.



CERPEN

SEJAK tahun 1940, sewaktu beliau menjadi pembantu di akhbar *Sahabat* di Pulau Pinang, Abdullah Hussain telah menghasilkan cerpen dengan dorongan daripada Ahmad Noor Syukur, pengarang akhbar tersebut. Cerpen Abdullah yang berjudul “Binti Penghulu”, tersiar dalam akhbar tersebut sebanyak 38 siri, bermula dalam keluaran Januari 1940 hingga April 1940 dengan menggunakan nama samaran “Ruslani”. Beliau juga menghasilkan cerpen untuk akhbar *Majlis* keluaran 10 Oktober 1940, berjudul “Amin yang Berjasa kepada Tanah Air dan Bangsa”, dengan menggunakan nama pena Abdullah Nyak Hussain. Pada tahun-tahun 1950-an, iaitu sewaktu menjadi pengarang majalah hiburan di Singapura, beliau menulis cerpen dalam majalah-majalah *Bintang*, *Asmara*, dan *Filem*. Apabila berpindah ke Kuala Lumpur dan bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an, banyak cerpen beliau disiarkan dalam *Berita Minggu*, *Angkatan Baru*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera* dan *Mastika*. Sebanyak 65 buah cerpen yang dihasilkannya selepas Perang Dunia Kedua dimuatkan dalam antologi, *Kota ke Kota* (DBP, 1977), *Sebuah Pekan Bernama Semporna* (DBP, 1982), dan *Cahaya Langit* (Penerbit Penamas, Johor Bahru, 1987).

Kumpulan *Kota ke Kota* memuatkan 15 buah cerpen yang ditulis dari tahun 1969 hingga 1977. Keistimewaan dan kekuatan cerpen-cerpen dalam antologi ini terletak pada cara pemilihan tema yang banyak didasarkan pada pengalamannya yang panjang dan beragam yang ditemui dalam kehidupannya. Pemuatannya dengan pelbagai pengalaman ini dirasakannya sangat



penting dan bernilai untuk disampaikan kepada orang lain atau pembaca supaya dapat dikongsi bersama menerusi cerpen. Kepekaan pengarang terhadap siratan maksud “pertemuan” ini dapat ditanggapi melalui lima buah cerpen beliau yang menggunakan judul pertemuan:

1. “Pertemuan di Tjiandur” (12 halaman);
2. “Pertemuan di Kuching” (18 halaman);
3. “Pertemuan di Kota Kinabalu” (25 halaman);
4. “Pertemuan di Kota Bharu” (18 halaman);
5. “Pertemuan di Kuala Terengganu” (15 halaman).

Untuk memperlihatkan kesungguhan dan kebenaran dari setiap “pertemuan” pengalamannya ini, Abdullah Hussain memberikan pelukisan yang mendalam, terperinci, dan berkesan. Latar tempat yang digunakan bukan rekaan, melainkan adalah tempat-tempat yang sememangnya wujud dengan pelbagai fenomena dan permasalahan. Dalam kumpulan *Kota ke Kota* dipaparkan latar kota Tjiandur yang dipenuhi dengan kisah-kisah revolusi di Indonesia; kota Kuching yang penuh dengan peristiwa keganasan, ideologi dan pembunuhan; Kota Kinabalu yang mencetuskan kisah cinta setia dan kasih sayang; Kota Bharu yang menyingkapkan kecelakaan dan penderitaan; dan, Kuala Terengganu yang berbaaur dengan kisah-kisah tragis manusia seni di tengah-tengah kemiskinan dan keangkuhan hidup manusia.

Antara cerpen yang paling berhasil membawa tema pengalaman yang bertunjangkan konsep pertemuan ini ialah “Pertemuan di Tjiandur”. Keberhasilan cerpen ini, pertamanya, dapat dilihat melalui gaya penceritaannya yang bersifat objektif. Penceritaannya dikisahkan melalui pencerita orang pertama; segala gerak-geri watak, suasana, dan peristiwa dilihat dari sudut pandangan “aku” yang turut hadir dalam cerita. Namun, “aku” tidak langsung berperanan sebagai penilai atau pengkhubah. Dia membataskan dirinya sebaik mungkin melaporan segala apa yang dirasa, dilihat, atau didengarnya dengan setia dan jujur. Penilaian dan pandangan terhadap segala laporannya itu diserahkan sepenuhnya kepada pembaca. Oleh itu ceritanya menjadi wajar dan lancar secara bersahaja.

Kedua, dengan gaya penceritaan yang demikian, pelukisan watak-wataknya juga terasa lebih hidup. Setiap perlakuan, tutur kata, dan persekitaran mereka dilaporkan secara jujur dan



murni tanpa ada pembeberan dan pembaziran. Ini terlihat jelas pada pelukisan watak Rohana, teman seperjuangan "Aku", yang berubah sifat kewanitaannya menjadi manusia yang kasar dan bengis, akibat revolusi seperti yang digambarkan melalui petikan ini:

"Tapi ini hadiahku untuk hari jadimu." Aku memberanikan diri menjawab.

"Aku tidak mahu," pekiknya lebih kuat lagi. "Aku tidak mahu. Kau menghina aku. Mengejek-ejek aku. Aku tahu ...!"

Ia lalu menyembamkan mukanya ke meja dan menangis terisak-isak. Seluruh tubuhnya bergegar.

"Aku tidak mengejek, Kep ... Demi Allah, niat aku baik ...!"

"Keluar! Tinggalkan aku sendirian!" Aku mendengar tengkingannya itu seperti perintah yang pernah kudengar lima tahun yang lalu. "Keluar!"

Ia Kapten Ana dari barisan berani mati. Seluruh sendi anggotaku gementar mendengar pekikannya itu. Lupa aku sejurus bahawa aku sekarang ada di Djakarta, bukan di dalam hutan di front Meda Area. Dengan gugup aku keluar.

(Hlm. 28)

Penceritaan yang padat dengan pelukisan watak yang berkesan terdapat juga dalam cerpen-cerpen lain dalam kumpulan ini. Antaranya, cerpen "Baboon" yang mendapat perhatian khlayak kerana penyelitan unsur-unsur kelucuan yang berjaya melukiskan manusia yang hidup dengan kepura-puraan. Cerpen "Dirinya yang Hilang" pula Abdullah berjaya memaparkan kemelut manusia yang "bermain" dengan perasaan cintanya terhadap budaya yang sememangnya tidak pernah dihayatinya. Dalam cerpen "Ingin Melihat Rambut Menantu" memaparkan kegelisahan hati seorang bapa yang menunggu kepulangan anak lelakinya bersama-sama isteri yang berbangsa Inggeris. Pengalaman dan kebolehan pengarang mengolah cerita dan perwatakan dalam cerpen-cerpen tersebut dapat memperkukuhkan lagi gambaran-gambaran yang dipaparkan.

Seterusnya, dalam kumpulan *Sebuah Pekan Bernama Semporna* pula termuat 14 buah cerpen. Kebanyakannya terdiri daripada cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Abdullah Hussain pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Antologi ini juga memuatkan dua buah cerpen yang berjudul "pertemuan", iaitu "Pertemuan di Miri" dan "Pertemuan di Brunei". Yang agak menarik pada cerpen begini ialah adanya daya kesungguhan



pengarang untuk memperteguhkan kebenaran pada pilihan dan gambaran tema-tema ceritanya. Untuk tujuan tersebut pengarang mengambil watak-watak ceritanya daripada kalangan orang yang pernah wujud dan dikenalnya secara dekat. Misalnya, dalam cerpen "Pertemuan di Brunei" yang agak panjang itu terdiri daripada watak-watak sebenar, seperti, Jihaty Abadi, Firdaus Abdullah, Abdullah Tahir, Dayang Syamsiah, Othman Puteh, Asmad, Haji Muslim, dan Zaihasra. Mereka dikaitkan pula dengan nama-nama pertubuhan penulis yang sememangnya wujud, iaitu GAPENA dan Asterawani. Semuanya digunakan untuk memperlihatkan kepentingan dan kesungguhan tema atau persoalan cerpen-cerpennya.

Selain itu, terdapat pelbagai tema yang penting dalam kumpulan tersebut iaitu tentang permasalahan hidup manusia Melayu. Ia menjurus paling banyak kepada persoalan-persoalan agama, moral, kemanusiaan, dan kebangsaan. Dalam tema agama, pengarang menyentuh persoalan-persoalan tentang aqidah, ketinggian serta keluhuran Islam. Misalnya dalam cerpen "Tuhan, Bagaimana Kau Akan Mencarinya" ditunjukkan bahawa kemajuan sains dan teknologi serta ketinggian pendidikan moden tidak dapat menyelesaikan keseluruhan hidup manusia, terutamanya dalam soal-soal kebatinan atau kejiwaan. Hanya dengan adanya keimanan terhadap Tuhan dan nilai-nilai kemurnian Islam, jiwa dan tindakan manusia dapat dibentuk ke arah menjalani hidup yang lebih aman, sempurna, tenang dan berperikemanusiaan.

Cerpen "Daging Babi Itu Haram" cuba mengungkapkan bahawa sesuatu larangan dalam Islam itu bukan semata-mata kerana ia tegahan daripada Allah, melainkan adanya alasan-alasan yang saintifik di sebaliknya. Di sini dinyatakan yang Islam mengharamkan makan daging babi kerana di dalamnya terdapat sejenis kuman yang membawa penyakit berbahaya kepada manusia. Amanat ini diselitkan dengan berkesan dalam urutan cerita tanpa terasa kaku dan hambar.

Persoalan keagamaan begini dikaitkan juga dengan sifat maha pengampun Tuhan dan keutamaan mengerjakan amal-amalan baik daripada perspektif Islam seperti yang terpapar dalam cerpen "Haji Badrul". Cerpen ini mengisahkan seorang haji kaya yang sukar meninggalkan tabiat buruknya iaitu meminum arak, berjudi dan berzina. Namun, haji itu sempat insaf lalu menggunakan kekayaannya untuk melaksanakan amal-amal yang saleh di kampung. Akhirnya dia mati ketika sedang



solat di masjid yang dibina dengan wangnya sendiri, yang sekali gus dapat memaparkan balasan baik yang diperolehnya daripada amalan salihnya.

Persoalan moral juga amat ditekankan, seperti yang terdapat dalam cerpen-cerpen "Sahabat", "Siapa Salah", dan "Sebuah Pekan Bernama Semporna". Antara isu yang dikemukakan ialah mengejar kekayaan atau kemewahan tidak seharusnya sampai menggadai harga diri atau maruah sendiri. Isu ini paling berhasil dipaparkan dalam cerpen "Sebuah Pekan Bernama Semporna"; yang mengisahkan tentang seorang anak gadis yang tidak bermoral sanggup menjadi pelacur semata-mata kerana inginkan kemewahan. Malangnya, hasratnya untuk menjadi kaya itu tidak tercapai, malah akhirnya dia mati dalam keseksaan penyakit. Dalam cerpen "Sahabat", kejatuhan harga diri berlaku bukan kerana inginkan kemewahan dalam hidup, tetapi kerana inginkan kebebasan dan memenuhi kebuasan nafsu. Pasangan suami isteri yang tidak lagi hidup bersefahaman membawa haluan masing-masing dalam melayani nafsu: isteri sanggup membuat hubungan sulit dengan lelaki lain, manakala suami pula sanggup berpacaran dengan isteri sahabatnya sendiri.

Abdullah Hussain juga mementingkan persoalan kemanusiaan seperti yang terdapat dalam cerpen-cerpen "Lipas" dan "Pokok Besar". Dalam kedua-dua cerpen tersebut beliau menggunakan perlambangan serangga, dan pokok untuk mencirikan perwatakan manusia. Cerpen 'Lipas' misalnya menggambarkan sifat sesetengah manusia yang amat mementingkan diri sendiri sehingga sanggup membunuh atau memusnahkan kesenangan orang lain. Manakala dalam cerpen "Pokok Besar" manusia digambarkan sebagai sangat mengejar pembangunan sehingga merosakkan pembentukan dan keindahan alam semula jadi, akibatnya membahayakan mereka juga.

Seiring dengan ini, Abdullah turut menekankan persoalan semangat perjuangan kebangsaan yang luhur dan ikhlas yang sering dilupakan oleh masyarakat, seperti yang tersirat dalam cerpen-cerpen "Sayap yang Patah" dan "Pahlawan Tak Bernama". Dalam "Sayap yang Patah" diperlihatkan kesucian dan keikhlasan seorang pejuang kemerdekaan yang berjuang bukan kerana mengharap sesuatu balasan atau sanjungan. Sebaliknya mereka yang berpura-pura dengan semangat kebangsaan pula yang mendapat sanjungan dan kedudukan. Dua keadaan ini dipertentangkan oleh pengarang dengan maksud untuk menimbulkan kesedaran dan keinsafan. Demikianlah dalam cer-



pen “Pahlawan Tak Bernama” terlihat nada protes terhadap sikap sesetengah masyarakat kita yang melupakan jasa perjuangan tokoh-tokoh nasionalis negara. Persoalan ini dianggap penting dalam usaha mengubah sikap masyarakat di samping dapat membetulkan dan menyuburkan kembali semangat perjuangan kebangsaan.

Antara keistimewaan dan kekuatan cerpen-cerpen lain dalam buku kumpulan cerpennya, terlihat pada kebijaksanaan Abdullah Hussain membawakan teknik penulisan yang biasa dan sederhana tetapi dapat memperlihatkan keaslian dan kejatian diri. Beliau tidak terikut-ikut apatah lagi melakukan perubahan atau percubaan yang mengejutkan dunia penulis cerpen seperti penggunaan teknik-teknik baru dari luar atau Barat. Ini bersesuaian dengan dirinya yang memang berbakat dan berpengalaman, yang tidak lagi memerlukan satu-satu teori penulisan lain dan asing baginya. Malah, menurut pengakuannya sendiri, kelancarannya menulis akan terganggu dan terbantut apabila dirinya dibayangi atau terpengaruh oleh sesuatu teori penciptaan. Beliau lebih suka terlepas bebas daripada semuanya ini dan berkarya berdasarkan kebolehan yang alamiah dan gaya yang tersendiri.

Dengan sikap yang demikianlah beliau mencipta cerpen yang terkandung dalam kumpulan *Sebuah Pekan Bernama Semporna*. Beliau bercerita dalam gaya yang langsung dan mudah diikuti pembaca, terutamanya pada jalinan plot cerita. Dalam kebanyakan pengolahan karya, beliau kebiasaannya mengekalkan urutan cerita dengan tiga bahagian utama iaitu permulaan, pertengahan, dan pengakhiran. Penceritaan tidak diruwetkan dengan unsur-unsur tertentu yang boleh mengelirukan atau menyukarkan pembaca. Dalam urutan cerita itu juga dimasukkan atau diceritakan segala-galanya, walaupun ada antaranya tidak bersesuaian dan boleh merosakkan kesatuan cerita. Ini dilakukan supaya pembaca dapat memahami semua keadaan secara langsung tanpa perlu berfikir lagi. Umpamanya, masih ada kecenderungan beliau untuk berkhotbah atau memberi nasihat sebagaimana yang terdapat dalam cerpen “Insya-Allah”, yang sekali gus mencerminkan gaya serta sifat tukang cerita Melayu yang tulen. Ini merupakan salah satu faktor yang menjadikan sebahagian besar cerpennya itu panjang. Konsep penceritaan yang ringkas dan padat, tetapi penuh dengan saranan itu seperti tidak pernah menjadi ikutan atau amalannya.

Dengan cara demikian pun perjalanan ceritanya tetap



menarik. Ini berlaku kerana kebanyakan cerpennya mampu untuk melahirkan kesan-kesan ketegangan dan keasyikan yang berpanjangan. Faktor utama yang meninggalkan kesan tersebut ialah kejayaan penggunaan teknik imbas muka, teknik imbas kembali dan dengan pengakhiran cerita yang berbentuk kejutan atau "surprise ending" secara meluas. Ia menjadikan urutan cerita tidak tersusun secara kronologi, melainkan timbulnya susunan yang bervariasi indah. Teknik bercerita seperti itu terdapat dalam hampir semua cerpennya yang bermotif "pertemuan".

Demikianlah untuk memadankan dengan jalan cerita yang sebegitu rupa, maka pemilihan watak-watak ceritanya pun diambil daripada kalangan orang yang lebih dikenali pengarang secara dekat dan dapat ditanggapi dengan mudah oleh pembaca. Pelukisan yang terperinci dengan ciri-ciri psikologi yang khusus tentang watak tidak diberikan tetapi tetap digarap secara hidup dan wajar. Pengarang mampu melakukannya kerana pelukisan watak-watak tersebut banyak didasarkan kepada pengalaman dan pengamatannya sendiri. Pelukisan watak lebih terasa apabila pengarang, lebih menekankan corak, aksi, sifat fizikal, dan nada dialog watak secara terperinci. Secara tidak langsung terpantul sendiri peribadi dan kejiwaan watak. Contohnya pelukisan watak Dayang Hamimah dalam cerpen "Pertemuan di Miri":

Dayang Hamimah atau Mimah saja seperti yang biasa dipanggil olehnya tegak berdiri di hadapannya, tinggi 5 kaki 2 inci, mengepit fail kecil cenderamata seminar bahasa dan sastera yang diadakan di universiti itu ketika mereka di tahun dua. Buku *An Introduction to Literary Criticism* karangan Merlies K. Danziger dan W. Stacy Johnson bersama-sama nota catatan ikut dikepit. Rambutnya yang hitam lebat, panjang mengurai jatuh di atas bahunya. Rambut itu disikat sedemikian rupa sehingga kelihatannya seperti ia mengepung mukanya yang bulat berisi. Anak matanya yang hitam jinak tersenyum jenaka memandangnya.

Sejurus lamanya dia terpesona dengan hidung yang mongel terletak sedikit di atas mulut yang berbibir tipis itu.

"Apa yang kau sugulkan?" tanyanya dengan gelak-gelak kecil. "Kau kehilangan aku?"

"Kau pandai meneka rupanya?"

"Pandai betul tu tidak, tetapi bolehlah juga sedikit-sedikit," jawabnya masih terus berjenaka.



Pelukisan watak sebegini memancarkan kearifan pengarang mengenali corak-corak sifat dan tindakan manusia berdasarkan kepada pengalaman dan pengamatannya. Ia disampaikan secara bersahaja dan bersesuaian; sehingga kesan realitinya dibina dan dikawal dengan baik. Ini diperkuatkan pula dengan penggunaan sudut pandangan yang beragam yang utama digunakan iaitu pencerita serba tahu, pencerita orang pertama dan pencerita orang kedua. Pengarang memilih sudut pandangan yang dapat disesuaikan dengan corak persoalan atau isi ceritanya. Yang menarik ialah kebanyakan sudut pandangan pencerita ini digunakan untuk menulis cerpen yang berdasarkan kepada pengalamannya sendiri, khususnya pada cerpen-cerpen yang memulakan judulnya dengan "pertemuan" seperti "Pertemuan di Miri" dan "Pertemuan di Brunei". Segala aspek yang diolah dalam cerpen tersebut dirasakan benar dan munasabah, di samping dapat meninggalkan kesan perasaan yang mendalam, kerana semuanya berasaskan kepada pengalaman yang langsung dan murni. Beginilah cara penulisan dan kesan rasa dalam hampir semua cerpen Abdullah Hussain.

Ini diperkukuhkan lagi dengan penggunaan gaya bahasanya yang sederhana tetapi lancar dan bersahaja. Bakat alamiah dan pengalaman luasnya memainkan peranan penting dalam membentuk gaya bahasa yang demikian. Abdullah banyak menggunakan bahasa harian dengan tepat dan sesuai, hasil kemampuan kosa katanya yang luas dan kaya. Lebih-lebih lagi dia memberikan perhatian kepada aspek tatabahasa. Suatu hal lain yang menarik, malah dapat dianggap sebagai suatu keistimewaan atau kekuatan pengarang berkaitan dengan gaya bahasa ini, ialah keprihatinan beliau terhadap hubungan penggunaan antara ayat atau perenggan pertama dengan ayat terakhir dalam sesebuah cerpen. Ayat pertama yang menjadi pembuka cerita perlu menarik untuk memancing minat pembaca, di samping dapat merangkaikannya pula dengan ayat terakhir dalam urutan pengisahan cerita. Hubungannya ini dapat menjadi seperti isyarat atau panduan kepada pembaca untuk memahami isi dan persoalan cerita. Lebih penting lagi ialah kewujudan ciri-ciri atau sifat-sifat begini boleh membentuk dan mengukuhkan kesatuan cerpen, seperti yang ketara dalam cerpen-cerpen "Sayap yang Patah", "Pahlawan Tak Bernama", "Lipas", dan "Siapa Salah?". Hal yang sama juga turut terserlah dalam cerpen-cerpennya yang lain, khususnya dalam kumpulan cerpennya yang ketiga, *Cahaya Langit*, terbitan Penamas, Johor



Bahru, pada tahun 1987.

Kumpulan ini memuatkan sepuluh buah cerpen Abdullah Hussain yang kebanyakannya panjang-panjang belaka; yang ditulis pada tahun 1980-an. Ada dua keistimewaan yang menonjol dalam cerpen-cerpen yang terkandung dalam kumpulan ini, pertama ialah gaya bahasanya dan kedua tema atau persoalan pokok. Gaya bahasanya bersifat sederhana dan mudah. Ia lebih mirip kepada gaya bahasa kewartawanan baru, atau yang biasa disebutkan sebagai bahasa *new journalism*. Pengolahannya secara langsung dengan pemakaian tatabahasa yang baik dan teratur mudah dan cepat untuk difahami pembaca bagi memperlihatkan satu lagi keistimewaan kepengarangan Abdullah Hussain. Baginya, gaya bahasa harus menepati kata-kata "the simple is beauty". Dengan penggunaan gaya bahasa yang demikian pulalah maka kemasukan atau penyelitan ayat-ayat daripada al-Qur'an sama sekali tidak menjejaskan kewajaran cerita, malah makin memperkuat seni penggunaan bahasa dan daya kefahaman pembaca. Contoh penggunaan corak gaya bahasa tersebut diambil dari cerpen "Pertemuan di Masjid Quba" begini:

Tanpa disedari mata saya telah mulai berpasir lagi. Saya tunduk berpura-pura melihat cawan teh untuk tidak dilihat oleh Fatma Zaharah, bahawa saya terlalu terharu dengan pengakuannya yang tulus ikhlas itu. Saya cuba menahan keharuan itu seberapa boleh dan apabila saya sudah dapat berkata-kata tanpa diganggu oleh perasaan saya yang terharu tadi, saya pun membaca potongan Ayat 115 Surah al-Baqarah yang maksudnya:

"Kepunyaan Allah timur dan barat,

Maka ke mana pun kamu berpaling

Di sana wajah Allah

Sungguh Allah meliputi segala

Tuhan segala

Kalau begitu bersyukurlah hajah selalu kepadanya-Nya.
Insyallah hajah akan selamat dunia dan akhirat."

(*Cahaya Langit*, 1987:146)

Corak gaya bahasa ini menjadi inti keistimewaan Abdullah Hussain dalam penulisan cerpen. Di samping itu, tema yang dipilih dan digarap dalam kumpulan *Cahaya Langit* ini juga mempunyai keistimewaan, iaitu tema yang menjurus kepada persoalan keislaman, terutamanya tentang sifat, kewujudan dan



keagungan Allah serta hubungan manusia dengan-Nya. Cerpen yang paling indah dan kuat dalam mengungkap tema tersebut ialah "Tuhan, Bagaimana Kau Akan Mencari-Nya?" Judul asal cerpen ini ialah "Tuhan, Bagaimana Akan Kucari-Mu"; yang memenangi hadiah pertama dalam sayembara Peraduan Cerpen Berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama), Malaysia.

Cerpen tersebut mengisahkan tentang Lahab yang terpelajar tetapi goyah keimanan dan kepercayaannya terhadap Tuhan dan kewujudan-Nya akibat kuat dipengaruhi oleh suasana pendidikan moden dan pemikiran sains. Dia lalu menjadi "ateis" (mulhid). Pemikiran yang rasional dan nilai materialistik Barat memperkukuhkan lagi pendirian ateisnya itu. Ajaran agama Islam yang tradisional dan dogmatik, seperti yang ditunjukkan oleh orang tuanya, gagal mengembalikan keimannya. Namun, dia tidak selama-lamanya demikian. Akhirnya Lahab kembali beriman setelah diberikan penjelasan secara rasional dan saintifik tentang sifat Tuhan, dan kewujudan-Nya oleh mereka yang benar-benar terdidik dalam Islam seperti Dr. Zain. Kejayaan ini juga tercapai oleh kerana adanya tunjuk ajar yang dilakukan secara lemah lembut serta penuh kasih sayang sebagaimana yang ditunjukkan oleh kakak Lahab sendiri.

Cerpen ini jelas menonjolkan suatu persoalan besar dan serius yang wujud dalam masyarakat kita dewasa ini. Tegasnya, ia berupa permasalahan dualisme dalam sistem pendidikan, iaitu kewujudan pendidikan Islam yang tradisional dan pendidikan sekular yang moden. Yang pertama dianggap sebagai masih kukuh dengan disiplin pengajian cara lama yang sukar menumbuhkan atau menyuburkan pemikiran-pemikiran rasional. Manakala yang keduanya pula bersifat lebih mencabar dan lebih banyak dilalui oleh generasi dengan penekanan kepada pemikiran-pemikiran rasional tetapi kurang berasaskan tauhid Islam. Terbit dari keadaan inilah lahirnya generasi yang berada dalam keadaan terumbang-ambing antara iman dengan kufur; lebih-lebih lagi kepada mereka yang hidupnya kini lebih terdedah kepada pengaruh dan nilai Barat yang sifatnya teramat materialistik dan liberal.

Kejayaan juga terlihat pada kemampuan Abdullah Hussain menggarap suatu tema yang bukan sahaja baru tetapi berat, penting, dan bermakna. Ia dihidupkan melalui pergerakan tingkah laku dan pemikiran watak-watak daripada pelbagai kaum dengan penampilan latar yang *real*, hidup, dan wajar. Ia terolah



dalam suatu corak tatabahasa yang ringan tetapi indah dan lancar. Lebih jauh daripada itu ialah cerpen ini berjaya menampilkan suatu mesej yang khusus dan penting bagi masyarakat materialistik dewasa ini, iaitu mesej penyucian diri melalui usaha-usaha mengenali dan mendekati Tuhan.

Sebagai kesimpulan, dapatlah ditegaskan bahawa dalam bidang penulisan cerpen, Abdullah Hussain ternyata mempunyai kekuatan. Pertama ialah keupayaannya menggunakan pengalaman dalam mentafsir kehidupan manusia dan kemudian menuangkannya ke dalam karya seni cerpen. Kedua, pengalaman dan pentafsiran makna kehidupan ini diletakkan dalam sesuatu situasi tertentu supaya terlihat adanya kebenaran dan kesungguhan seperti dalam situasi "pertemuan", selain pemilihan sudut pandangan atau sudut pengisahan yang tepat. Ketiga, Abdullah Hussain dengan jujur menggunakan teknik penulisannya yang tersendiri yang bersesuaian dengan kebolehannya dan rupa bentuk cerita serta tema yang hendak dibayangkan. Yang keempat, penghasilan karya-karya cerpennya membuktikan bakatnya yang besar dan ketahanan daya kreativiti yang tidak pernah pudar sejak beberapa dekad.



TERJEMAHAN

SALAH satu keunikan Abdullah Hussain sebagai sasterawan dan juga penterjemah karya sastera ialah kepekaan beliau yang mendalam terhadap hasil sastera yang ditulis melalui bahasa, latar kebudayaan dan agama ibundanya sendiri. Kepekaan ini menjadikan beliau sasterawan, budayawan dan penterjemah yang bukan sahaja mengikuti perkembangan sastera dalam dunia sastera, malah terpenggil untuk berusaha menterjemahkan karya-karya agung yang dipilihnya untuk dinikmati bersama oleh pembaca berbahasa Melayu. Abdullah hanya memilih karya-karya besar yang mewakili negara atau masyarakat tertentu dan yang diterima serta diiktiraf sebagai karya agung oleh masyarakat setempat atau antarabangsa.

Pengalaman serta sejarah hidup Abdullah yang luas dan panjang, bekerja dalam berbagai-bagai kerjaya, pendedahan yang luas dalam dunia kewartawanan, penulisan dan penyuntingan, ketenteraan dan pentadbiran menjadikan Abdullah seorang manusia dan penulis kosmopolitan yang sentiasa menyedari kehadiran bangsa dan keturunan lain sebagai sebahagian daripada warga manusia seluruhnya. Hampir kebanyakan novel dan cerpen dalam karya asalnya Abdullah menentengahkan watak bukan Melayu yang berinteraksi dengan watak Melayu dalam kehidupan dan pemikiran. Jelas Abdullah menyedari kehadiran bangsa-bangsa lain, budaya dan cara hidup mereka, pemikiran dan latar belakang sosial mereka dan peri pentingnya kehadiran mereka sebagai sebahagian (sama ada kecil atau besar) daripada kehidupan sosial bangsa Melayu sendiri sepanjang sejarah kehidupan sosial masyarakat Melayu itu.



Faktor di atas mungkin menjadi faktor penting mengapa Abdullah turut memberi perhatian yang istimewa kepada novel dan cerpen yang dihasilkan oleh masyarakat dunia berbanding dengan sasterawan dan penulis seangkatan dengan beliau sama ada sebelum atau selepas Perang Dunia II.

Jika di dalam novel dan cerpen Abdullah menampilkan watak bukan Melayu daripada keturunan Cina, India atau Eropah, di dalam karya terjemahannya Abdullah memilih karya antarabangsa yang mementingkan unsur-unsur didaktik serta pandangan hidup yang mendalam dan tajam dalam menilai serta menjalani makna dan erti kehidupan. Di dalam sikap serta pemikiran Abdullah inilah terkandung nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan nilai keagamaan nilai-nilai yang dipentingkan oleh Abdullah bagi memperkayakan lagi dunia sastera Melayu melalui karya terjemahan.

Nilai, pemikiran dan gaya kehidupan yang majmuk dan antarabangsa ini bukannya asing bagi Abdullah. Beliau sendiri adalah manusia kosmopolitan yang mementingkan nilai-nilai kesejagatan dalam pemikiran dan kehidupannya. Di dalam karya terjemahan, Abdullah memberi perhatian utama kepada karya-karya yang bertema perjuangan manusia dan keagamaan. Jelas dalam fahaman dan pendirian Abdullah bahawa manusia, di mana sahaja mereka berada akan terus berusaha mencari dan mencapai keinginan serta cita-cita kehidupan dengan penuh keazaman. Ini dilihatnya sebagai tali pengikat yang sejagat di kalangan bangsa manusia keseluruhannya.

Lebih daripada itu beliau melihat kemanusiaan yang sejagat ini sebagai sesuatu yang penting pula untuk sebuah negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia. Jika kita memahami penderitaan, aspirasi dan cita-cita orang lain maka kita akan lebih mudah berlaku adil terhadap mereka. Dengan yang demikian melalui terjemahan, Abdullah berusaha memupuk perasaan muhibah yang diperlukan bagi sebuah masyarakat majmuk di negara ini. Abdullah memainkan peranannya itu dengan penuh sedar dan bukannya sekadar kebetulan. Semasa menterjemahkan *Bumi Bertuah (The Good Earth)* karya besar Pearl S. Buck yang memenangi beberapa hadiah di peringkat antarabangsa, Abdullah menulis begini:

“Dalam masa menterjemahkan buku ini terasa oleh saya bahawa banyak hal-hal tentang orang Tionghua yang dulunya sangat asing telah menjadi jelas, saya telah mulai mengerti dengan baik tentang keadaan orang-orang Tiong-



hua, tentang sifatnya, citanya, adat istiadatnya, budi pekertinya, mudah-mudahan pengertian yang serupa ini pula akan dapat dirasakan oleh tiap-tiap orang yang membaca buku ini. Kalau di antara kita telah ada pengertian yang baik di antara satu sama lain maka akan terjalinlah satu ikatan persaudaraan yang lebih kukuh, akan terciptalah satu kerukunan hidup yang aman dan damai dalam membina satu negara yang makmur dan satu bangsa yang kuat.”

Keinginan Abdullah supaya sastera menjadi jambatan penghubung yang mendalam sesama manusia terbukti apabila beliau berusaha menterjemahkan sejumlah besar karya-karya agung dalam sastera Timur dan Barat ke dalam bahasa Melayu. Karya-karya tokoh sastera Barat seperti John Steinback, Pearl S. Buck, Ernest Hemingway, dan sasterawan Timur seperti Naguib Mahfouz, Maulana Mohammad Saeed, Zainab Gulam Abas, Lee Kim Kien, Lim Meng Seng dan beberapa penulis lain jelas menunjukkan kepada kita bahawa Abdullah berjaya merentasi sempadan bangsa dan puak, warna kulit dan perbezaan budaya dalam membentuk satu kefahaman sejagat tentang keindahan dan pengalaman pahit manis kehidupan manusia.

Di dalam membina jambatan perpaduan antara kaum di negara ini nilai-nilai kemanusiaan yang mendalam inilah mengikat manusia sebagai manusia walaupun ia melibatkan hanya seorang budak yang berjuang dengan cita-citanya, seperti yang diutarakan dalam cerpen ‘Biola’ karya asal Lim Meng Seng (penulis tanah air). Cita-cita dan kasih sayang seorang budak lelaki Cina menjadi pilihan Abdullah yang diterjemahkan dan disiarkan dalam majalah *Dewan Masyarakat* September 1988.

Ah Meng bercita-cita menjadi pemain biola dan ingin memiliki sebuah biola. Dengan bersusah payah Ah Meng mengumpul duit di dalam tabung tetapi akhirnya tabung dipisahkan oleh emaknya yang memerlukan wang bagi merawat bapanya, tukang kayu yang menemui kemalangan jalan raya. Ah Meng menerima dengan baik nasib yang menimpa dirinya kerana perasaan kasih sayang yang mendalam walaupun terpaksa mengorbankan cita-cita. Nilai kasih sayang, pengorbanan dan cita-cita adalah nilai sejagat yang dimiliki oleh semua bangsa.

Terjemahan Abdullah ini penting untuk tujuan pengajaran, perkongsian pengalaman dalam sebuah masyarakat yang sama-sama menempuh kemiskinan dan dengan kesedaran bahawa manusia tidak banyak berbeza dari soal hati nurani dan diri



dalamannya. Abdullah sebenarnya telah berjaya kerana memberi peluang kepada masyarakat Melayu berkongsi sama pengalaman hidup dengan masyarakat keturunan Cina di negara ini.

Abdullah tidak menterjemah sebarang karya kecuali karya itu membawa persoalan nilai-nilai kehidupan dan bermakna kepada manusia sejagat. Karya terjemahan Abdullah umumnya membawa pesan yang mendalam. Abdullah menyebut hal ini apabila menterjemahkan novel *Orang Tua dengan Laut* (*The Old Man and The Sea*) karya Ernest Hemingway. Dalam kata pengantarnya Abdullah menulis:

“Buku ini menceritakan kisah Santiago, seorang nelayan tua bangsa Cuba yang membawa pesan kepada umat manusia bahawa meskipun seseorang itu akan meningkat tua dan hidupnya malang, tetapi kalau dia masih berani, berpegang teguh kepada dasar hidupnya tabah hati dalam menghadapi kegagalan dan mempunyai sifat kasih sayang, maka dia dapat mencapai kemenangan.”

Menghidupkan nilai-nilai dalam manusia melalui bahasa bukanlah satu usaha yang mudah. Perubahan bahasa dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu memerlukan daya kreatif seorang sasterawan yang halus perasaannya bagi menimbulkan kembali kesan kejiwaan melalui bahasa. Dia harus pakar kepada kedua-dua bahasa yang terlibat. Tambahan pula penterjemah seperti Abdullah mahu pembacanya menerima kesan dalam melalui terjemahannya. Abdullah benar-benar berusaha bagi mencapai kesempurnaan dalam terjemahannya. Menurut Abdullah dalam kata pengantar buku yang sama:

“Saya tidak mengakui penterjemahan ini sudah mencapai kesempurnaan, tetapi sebagai kata Hemingway sendiri, semua perkara yang ada di dalam ini tidaklah tampak, tetapi hanyalah nyata tuan telah membacanya. Maka mudah-mudahan terjemahan saya ini pun demikian juga hendaknya.”

Bagi sebuah karya terjemahan yang mementingkan unsur-unsur dalam yang memperkatakan perjuangan dan cita-cita, seperti yang dipaparkan dalam sebuah novel pendek seperti *Orang Tua dengan Laut* aspek ketepatan dan keindahan bahasa sangat dipentingkan. Dari segi keindahan, hasil karya terjemahan Abdullah kadangkala mengatasi keindahan karya penulis asal. Mungkin kerana keindahan bahasa dalam Bahasa Melayu, Abdullah dapat menggambarkan semula aspek-aspek tertentu



dalam karya terjemahan dengan lebih mendalam daripada pengkarya asal novel Barat itu. Kadang-kadang adalah lebih indah dan lebih mendalam kesan yang diterima oleh pembaca berbahasa Melayu apabila membaca novel terjemahan Abdullah.

Dalam pada itu kita tidak harus lupa bahawa Abdullah juga adalah seorang pengkaji. Bagi sesebuah novel yang mementingkan penghujahan teologi dan perbahasan agama, fakta yang betul dan ketepatan makna perlu menyandari satu sama lain. Abdullah Hussain menyedari hal ini dan berhati-hati sewaktu menterjemah novel *Isabella* karya Maulana Mohammad Saeed.

Menurut terjemahan Inggeris karya Mohammad Saeed ini merupakan buku perbandingan agama antara agama Kristian dan Islam. Abdullah dalam kata pengantarnya memberi huraian yang panjang tentang proses penterjemahan yang beliau lakukan. Abdullah sedar bahawa karya dengan tema serta persoalan yang berlainan memerlukan gaya terjemahan yang berbeza pula.

Karya Mohammad Saeed diterjemahkan oleh Abdullah dengan berhati-hati. Abdullah berusaha menjadikan karya tersebut sebagai novel terjemahan dan bukannya buku perbandingan agama seperti asalnya di samping menjalankan kajian yang mendalam terhadap fakta-fakta asas dan memerlukan rujukan seperti yang terdapat dalam novel tersebut. Menurut Abdullah:

“Dalam terjemahan yang saya lakukan ini saya cuba mengolahnya semula dalam bentuk penulisan novel dan menyisipkan di sana sini unsur-unsur kekreatifan tanpa mengganggu isi dan temanya yang asal, agar ia menjadi lebih enak dibaca kerana buku ini merupakan sebuah karya yang cukup menarik yang penting bagi tiap-tiap orang Islam terutama generasi muda....”

Di samping memasukkan unsur-unsur estetika dalam bahasa bagi menjadikan karya Mohammad Saeed ini sebuah novel, Abdullah juga menjalankan penyelidikan supaya fakta-fakta di dalam novel tersebut jelas dari segi kesahihannya. Menurut beliau lagi:

“Oleh sebab diterjemahkan dari bahasa Urdu barangkali, maka terdapat pentafsiran ayat-ayat al-Qur’an dan Injil yang tidak berapa jelas lebih-lebih lagi apabila tidak disebutkan Surah bagi Kitab Suci al-Qur’an dan bab serta ayat bagi Injil. Namun dengan menggunakan rujukan pada *al-Kitab ...* dan *Good News Bible ...* kesamaan tentang petikan-petikan dari Injil dapat diperbaiki”.



“Dalam menyelesaikan terjemahan ini saya berterima kasih kepada ... yang telah menolong mencarikan ayat-ayat al-Qur’an dan hadis yang tidak disebutkan sumbernya dalam novel terjemahan Inggeris....”

Bukan sekadar menyemak fakta dan menimbulkan keindahan bahasa, Abdullah juga berusaha memperbaiki karya asal dan menjadikan karya tersebut lebih tersusun apabila terjemahan dibuat. Abdullah seterusnya menulis:

“Untuk makluman kepada pembaca, beberapa bab dari karya terjemahan Inggeris terpaksa saya gabungkan dalam terjemahan ini dan cuba memperbaiki beberapa perkara yang tidak selaras (consistent) yang peristiwa, masa dan perwatakan, misalnya sahabat-sahabat Isabella bukan hanya tiga tetapi empat termasuk Catherine yang muncul di bahagian awal.”

Ini jelas menunjukkan bahawa Abdullah bukan sahaja melakukakan terjemahan tetapi sangat sedar dengan bahan yang digunakannya dan juga dengan pembacanya yang pasti sensitif tentang masalah yang berkaitan dengan agama.

Abdullah sebagai penterjemah yang teliti dan berminat serta mementingkan nilai-nilai ilmiah cuba menjadikan karya terjemahannya bukan sekadar karya terjemahan biasa yang sekadar menjalani dan tertakluk kepada proses pemindahan bahasa. Terjemahan Abdullah terutamanya novel mengandungi kata pengantar yang panjang yang memperkenalkan pembaca kepada karya asal sebelum menghidangkan karya asal itu dalam bahasa Melayu.

Novel *Isabella* yang disusun semula, dengan diberikan nota kaki dan dikemukakan bahan rujukan, menjadikan karya itu seolah-olah sebuah hasil kajian. Terjemahan lain seperti *Orang Tua dengan Laut* dan *Mutiara* (The Pearl) karya John Steinback juga mementingkan unsur-unsur ilmiah dan akademik sehingga kajian tentang buku asal sudah disediakan oleh Abdullah sendiri; sekurang-kurangnya latar belakang penulisan novel yang terbit. Di dalam kata pengantar terjemahan novel *Mutiara* Abdullah menulis:

“Meskipun John Steinback tidak pernah menulis kata pengantar dalam buku-buku karangannya kerana ia berpendirian bahawa karyanya itu sanggup tegak di atas kakinya sendiri, namun sebagai bukunya yang pertama yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, kata pengantar ini perlu juga rasanya.”



Setelah kenyataan tersebut Abdullah memperkenalkan pengarang asal, riwayat hidup, latar belakang pendidikan, proses penerbitan novel asal dan tema serta persoalan yang terdapat dalam novel tersebut. Jelas sekali Abdullah sangat ikhlas dalam usahanya, bertujuan mendidik pembaca dan bukannya sekadar mencari nama atau bayaran semata-mata dalam usahanya menjalankan kerja terjemahan. Di akhir kata pengantar buku yang sama Abdullah menulis begini:

“Dengan keterangan ringkas tentang John Steinback, pengarang buku *Mutiara* ini, dan dengan sedikit uraian mengenai latar belakang isinya maka marilah kita berkenalan dengan seorang lagi pengarang besar dari Barat serta hasil karyanya yang mula pertama diterjemahkan ke dalam bahasa kita.”

Dengan kata-kata tersebut jelas kepada kita tujuan dan matlamat Abdullah dalam kerja-kerja penterjemahannya dan sebagai penterjemah yang mementingkan nilai-nilai ilmiah Abdullah terpaksa membuat kajian tentang Steinback dan hasil karyanya terlebih dahulu sebelum terjemahan dilakukan. Demikian juga halnya dengan novel terjemahan *Orang Tua dengan Laut* yang juga mempunyai kata pengantar yang memperkenalkan pengarang asal dan memperkatakan tentang karya sebelum pembaca dihidangkan dengan terjemahan yang menarik.

Sejak awal menulis Abdullah telah berjaya menanam benih persefahaman melalui karya terjemahan. Ini menjadikan Abdullah mendahului penulis-penulis tanah air yang tidak berterusan dalam membawa tema kemanusiaan dan perpaduan kaum.

Di dalam karya asal Abdullah mengemukakan banyak watak bangsa lain selain dari bangsanya sendiri. Beliau memperkenalkan masyarakat kosmopolitan dengan berbagai-bagai bangsa berinteraksi antara satu sama lain. Keinginan yang mendalam terhadap perpaduan dan persefahaman sesama manusia *mempengaruhi terjemahan Abdullah. Abdullah harus diiktiraf* sebagai mengambil daya usaha yang bersungguh-sungguh bagi menyemarakkan semangat perpaduan kaum di negara ini. Dari aspek ini karya Abdullah dalam bentuk asli dan terjemahan boleh dianggap sebagai bahan penting yang mengikat perpaduan dan mewakili aspirasi negara. Karya-karya terjemahan Abdullah sememangnya turut memberikan penekanan yang khusus terhadap karya yang mempunyai nilai kemanusiaan, berunsur pemikiran dan renungan yang mendalam tentang kehidupan.



Abdullah juga tidak melupakan tanggungjawabnya sebagai seorang Islam apabila sering mengemukakan tema agama dalam karya-karya beliau. Lantas itu dalam usaha menterjemah karya, Abdullah turut memilih karya yang mengagungkan dan membesarkan ajaran agama seperti dalam *Lorong Midaq* karya besar masyarakat Mesir dan *Isabella*. Karya besar masyarakat Pakistan sebagai dua karya utama yang menggambarkan kehidupan masyarakat Islam.

Sebagai karyawan negara, Abdullah mempunyai ciri-ciri utama yang menjadikan beliau wakil kepada sastera negara ini dan membina nilai-nilai yang sesuai dengan keperluan dan kehendak negara melalui sumbangan terjemahan beliau.



BIOGRAFI DAN AUTOBIOGRAFI

DI SAMPING menghasilkan karya-karya sastera berbentuk cereka, Abdullah Hussain juga menyumbang terhadap penulisan biografi dan autobiografi. Antara karya-karya beliau dalam bidang biografi ialah *Pendeta Za'ba dalam Kenangan* (1974); *Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan* (1982) dan *P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung* (1982). Manakala karya yang berbentuk autobiografi pula ialah *Terjebak* (1964), *Peristiwa* (1965) dan *Sebuah Perjalanan* (1984).

Buku *Pendeta Za'ba dalam Kenangan* ditulis bersama oleh Abdullah Hussain dan Khalid Hussain. Untuk biografi ini, Abdullah dan Khalid telah mendapatkan persetujuan Za'ba (Zainal Abidin Ahmad) sendiri untuk menulis riwayat hidupnya. Mulai awal tahun 1965, kedua-dua penulis ini telah mewawancara Za'ba dan teman serta kenalan di samping menyelidik tulisan-tulisan Za'ba yang pernah Za'ba hasilkan.

Biografi ini memperlihatkan satu dokumentasi sejarah seorang pejuang yang menyumbangkan bakti yang besar kepada bangsa dan negaranya. Kedua-dua penulis telah melakarkan riwayat hidup Za'ba dari masa kecilnya hingga ke penghujung usianya. Dalam proses ini tiga perkara penting tentang personaliti Za'ba terserlah iaitu aspek ilmu pelajaran, perjuangan melalui pendidikan dan penulisan dan kembaraannya di negara-negara asing. Walaupun ketiga-tiga aspek ini diberi tumpuan, khususnya aspek ketiga, namun penulisan ini tidak saja menyingkap perkara-perkara penting yang memperlihatkan Za'ba dalam situasi-situasi bersejarah tetapi juga kisah-kisah harian yang biasa. Dengan tidak secara langsung biografi ini



memaparkan saat-saat Za'ba sebagai tokoh sejarah, juga Za'ba sebagai manusia biasa yang menjalani kehidupan sebagai anak, suami, ayah, guru, kawan dan lawan yang disegani. Umpamanya, Abdullah dan Khalid menceritakan kisah Za'ba mengaku memungkiri janji kepada isteri pertamanya apabila beliau menceraikannya, atau bagaimana pilunya Za'ba menceritakan kematian isteri setianya Fatimah dengan cucuran air mata, dan kisah penyakit batu karang yang dideritainya pada sebahagian besar hayatnya. Dengan menyelitkan episod-episod seperti ini, biografi ini memperlihatkan suatu kepelbagaian personaliti yang menarik.

Pada keseluruhannya, pengkisahan riwayat hidup Za'ba beralih dari satu cerita kepada cerita yang lain, kadang-kadang tanpa urutan kronologi. Begitu juga ada kalanya cerita tentang sesuatu peristiwa itu panjang, dan lengkap dengan perinciannya. Ada pula kisah yang diceritakan hanya dalam beberapa ayat saja. Gaya penulisan seperti ini menunjukkan seolah-olah kedua-dua penulis ini menyusuri arus kenangan Za'ba untuk menentukan rentak dan susunan ceritanya. Ini kerana kesan daripada menyusuri arus kenangannya itu dapat menimba perkara yang cukup berkesan yang tinggal dalam kenangan dengan mantap. Kenangan ini diluahkan kembali dengan lancar seolah-olah tanpa paksaan. Ada kalanya pula cerita yang dikisahkan itu pendek seolah-olah tidak begitu mencengkam dalam ingatan dan mungkin saja tidak begitu jelas fungsinya dalam hidup si pencerita.

Pada beberapa tempat digunakan gaya bahasa bersahaja iaitu seperti bahasa lisan dan bukan bahasa tulisan. Ia lebih berkesan, seolah-olah Za'ba sendiri yang menulis riwayatnya tanpa perantaraan Abdullah dan Khalid. Dengan ini jarak antara tokoh cerita yang diriwayatkan itu dengan pembaca dapat dirapatkan. Ditambah pula dengan gaya cerita secara terus-menerus dengan memuatkan perbualan Za'ba dengan watak-watak lain dalam bentuk dialog. Dalam biografi ini juga terdapat kenyataan Za'ba sendiri yang dikutip seperti yang ditulis dengan huruf condong, seperti "*Sampai umur saya 12 tahun barulah saya masuk sekolah*" (hlm. 17) seolah-olah Za'ba sendiri yang berkata-kata secara terus-menerus kepada pembaca. Kesannya menyerupai sebuah autobiografi.

Dengan gaya penceritaan yang sedemikian, Abdullah dan Khalid dapat menangkap peribadi Za'ba secara menyeluruh dan beberapa perwatakan Za'ba jelas terserlah. Yang ketara dalam



biografi ini ialah penekanan kepada kerjaya Za'ba yang tertumpu kepada dunia ilmu. Dari sekolah Melayu di Kuala Jempul, Za'ba melangkah jauh ke English College di Johor Bahru sebagai guru, ke Maktab Melayu Kuala Kangsar dan lebih penting lagi ke Maktab Perguruan Sultan Idris. Tamat persekolahan beliau bertugas di beberapa pejabat pelajaran termasuklah di Pejabat Karang Mengarang, dan bertugas di bawah beberapa pegawai kolonial seperti R. O. Winstedt. Kemudian sewaktu menjadi pensyarah di universiti, beliau juga telah diundang sebagai pelawat di beberapa universiti terkemuka di dunia, termasuklah di England dan Amerika Syarikat. Sepanjang hayatnya Za'ba memang sungguh mesra dengan dunia ilmu. Minat dan cinta terhadap ilmu ini terpancar melalui rasa sayangnya kepada buku-buku miliknya. Abdullah dan Khalid menceritakan bagaimana pada masa perang Jepun beliau terpaksa berpindah-randah untuk menyelamatkan dirinya dan keluarganya. Dalam keadaan genting seperti itu apa yang lebih merunsingkan Za'ba ialah nasib buku-bukunya yang terpaksa ditinggalkan. Dalam satu ucapan beliau yang dikutip dalam biografi ini, Za'ba pernah berkata, "*I am a lover of books and collect [these] books. I never throw them away ...*" (hlm. 175). Demikianlah kecintaan Za'ba terhadap buku-buku miliknya, beliau bersikap tidak membuangnya, sebaliknya menghadihkan sejumlah 4000 naskhah buku kepunyaannya yang mencangkup berbagai-bagai bidang daripada falsafah hingga kepada ilmu hisab, kepada Universiti Malaya pada 16 Oktober 1965. Di majlis yang sama juga beliau telah menghadihkan wang berjumlah 10 000 ringgit untuk memulakan *Za'ba Research Fellowship*.

Dalam menelusuri dan merakamkan kisah suka duka hidup Za'ba dari masa kecil hingga ke akhir hayatnya, kedua-dua penulis ini berjaya memperlihatkan keperibadian Za'ba yang kukuh dan mantap. Dengan gabungan pelbagai cara penceritaan dan penulisan, Abdullah dan Khalid menyerlahkan keberanian, kegigihan dan iltizam Za'ba serta cintanya yang mendalam kepada bahasa, sastera dan budaya Melayu. Begitu juga dengan menggunakan bahasa yang bersahaja, yang di beberapa tempat lebih bersifat lisan daripada tulisan, kedua-dua penulis ini menjadikan biografi ini mudah dan lancar dibaca. Seterusnya dengan biografi ini, Abdullah dan Khalid telah merakamkan untuk khalayak pembaca suatu riwayat hidup seorang anak watan yang dedikasi dalam menyalurkan sumbangan bagi memajukan bangsa.



Sebuah lagi karya biografi Abdullah Hussain ialah *Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan* yang dihasilkan daripada usaha penyelidikan beliau yang mendalam dengan tajaan Yayasan Sabah. Buku ini berupa kisah atau riwayat hidup Harun Aminurrashid, atau nama penuhnya Harun bin Muhammad Amin, tokoh penulis novel Melayu terkenal semenjak zaman sebelum Perang Dunia II hingga tahun 1960-an. Tokoh tersebut bukan sahaja dilihat sebagai seorang pengarang cereka moden Melayu yang termasyhur, tetapi lebih besar daripada itu, iaitu sebagai tokoh pejuang bangsa Melayu yang tulen. Dengan kata-kata Abdullah Hussain sendiri, ketokohan Harun Aminurrashid yang dikaji dan dituliskan itu sebagai "*Seorang patriot sejati bangsa Melayu, nasionalis tulen seperti yang banyak diucapkan oleh bekas murid-muridnya yang berselerak di seluruh ceruk rantau tanah air dan negara Brunei, serta dari kawan seperjuangannya di bumi Singapura, tanah tempat tumpah darahnya.*" (hlm. vi).

Abdullah Hussain telah memberikan tumpuan kepada empat perkara utama dalam penulisan kisah hidup tokoh Harun Aminurrashid. Pertama ialah latar belakang kehidupannya; termasuklah keluarga, pendidikan, dan kerjaya semasa di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Kedua, berupa gambaran pengalaman hidup Harun Aminurrashid semasa bekerja di negara Brunei sebagai "Penguasa Pelajaran" atau *Suprintendent of Education*". Ketiga ialah penglibatannya dalam bidang penulisan dan penerbitan karya-karya Melayu. Keempat dan terakhir ialah kegiatannya dalam arena politik, iaitu termasuklah perjuangannya menentang penjajahan Jepun serta Inggeris, perjuangan kemerdekaan negara; meniupkan semangat kebangsaan; dan perjuangan mendaulatkan bangsa, bahasa serta budaya Melayu. Pengalamannya yang luas ini merangkumi jangka waktu selama kira-kira 73 tahun, iaitu dari tahun 1907 sampai 1980.

Dalam usaha memaparkan dan menjelaskan empat perkara utama dalam kisah hidup Harun Aminurrashid tadi, Abdullah Hussain menggunakan corak persembahan atau format yang tersendiri. Kaedah penulisan buku ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian Pertama terdapat tujuh bab dengan tiap-tiap bab diberikan judul yang bersifat kesusasteraan: *Dari Singapura ke Tanjung Malim, Kemeja Hitam Nektai Merah, Inggeris-Jepun-Inggeris, Api dalam Sekam, Mata Pena Lebih Tajam, Politik dan Cita-cita*, dan *Penutup*. Bahagian Kedua pula dimuatkan petikan-petikan daripada pelbagai karya pilihan terpenting yang pernah



dihasilkan oleh Harun Aminurrashid, termasuklah karya-karya sajak, novel, naratif perjalanan, makalah; dan surat-surat siaran yang dipanggil *Siaran Kekal* yang pernah ditulis semasa Harun Aminurrashid menjadi Penguasa Pelajaran di negara Brunei. Antaranya ialah surat-surat yang dituliskan kepada beliau, dan pandangan pengkritik terhadap karya dan perjuangan kebangsaannya. Bahagian ini dianggap wajar dan penting; kerana ia dapat memperlihatkan secara konkrit jenis dan sifat karya yang pernah dihasilkan oleh penulis tersebut. Di samping itu dapat memperkukuhkan kedudukan Harun Aminurrashid sebagai salah seorang tokoh besar dalam kegiatan dan perjuangannya yang mahu ditonjolkan oleh Abdullah Hussain.

Biografi *Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan* menyerlahkan dua kekuatan; pertama ialah teknik penulisannya yang objektif; dan kedua, kehadiran unsur kekinian dalam penulisan biografi. Kekuatan pertama dilakukan penulis dengan sengaja dan diperakukan sendiri oleh pengarang dengan penuh sedar. Diperturunkan pengakuan Abdullah begini:

“Tetapi walaupun buku ini belum begitu sempurna, namun para pembaca dan masyarakat Malaysia terutama sekali masyarakat Melayu akan dapat melihat wajah Harun dalam proposinya yang sebenar. Saya mencuba seberapa boleh untuk tidak membuat komen atau penilaian tentang dirinya, saya mencuba untuk berada di luar pagar dan menjadi sebagai seorang katalis saja antara Harun dengan orang ramai, supaya Harun yang saya perkenalkan di dalam buku ini bukan Harun saya, tetapi Harun yang diceritakan orang kepada saya.”

Daripada pengakuan inilah lahir pula kekuatan kedua. Dalam usahanya memaparkan pengisahan yang seobjektif mungkin, Abdullah Hussain cuba memasukkan sebahagian unsur-unsur pembaharuan atau kekinian bagi menjayakan maksudnya itu. Unsur kekinian terbesar yang dimasukkan ialah unsur cereka, suatu unsur yang berkebetulan pula amat berselari dengan bakat alamiahnya sendiri. Penulisannya itu tidaklah dilakukan seperti menulis sejarah tulen yang biasanya amat bersifat deskriptif, dan selalunya kaku dan hambar. Sebaliknya, riwayat hidup ini dipersembahkan dalam gaya penulisan sebuah cereka seperti novel atau cerpen, yang lebih mengutamakan unsur-unsur naratif dan dramatik. Untuk menghasilkan corak persembahan yang demikian rupa, Abdullah Hussain



menggunakan kaedah-kaedah penulisan cereka yang ketara. Antaranya ialah melukiskan kembali bentuk fizikal dan peribadi tokoh yang terlibat; memasukkan dialog yang segar dan penting; memperincikan gambaran secara dramatik; menumpukan pada pemaparan emosi dan konflik tertentu yang terpenting yang pernah dialami oleh tokoh; dan menggunakan teknik imbas kembali pada tempat-tempat yang sesuai dan munasabah. Semuanya ini bukan sahaja memperlihatkan perubahan dan kemajuan dalam penulisan biografi tersebut, tetapi juga dapat menimbulkan minat dan keseronokan kepada pihak pembaca.

Ini semua turut memantulkan ketokohan Abdullah Hussain itu sendiri sebagai seorang penulis biografi/autobiografi yang penting dalam perkembangan kesusasteraan tanah air. Beliau ternyata bukan sahaja mempunyai bakat tetapi juga menguasai teknik penulisan bidang ini. Suatu hal lain yang amat berkaitan dengan kejayaan menghasilkan penulisan ini ialah keupayaannya melakukan penyelidikan. Hal ini dapat dilakukan dengan baik dan sempurna dan seterusnya meletakkan beliau sebagai penyelidik yang berdedikasi serta berdisiplin.

Abdullah Hussain turut menghasilkan buku biografi tentang tokoh perfileman negara, iaitu P. Ramlee. Terdapat beberapa buah biografi P. Ramlee yang telah diterbitkan tetapi biografi yang bertajuk *P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung* (1982) adalah yang paling unik, istimewa dan terperinci. Abdullah menulis hasil daripada pengalaman, pergaulan dan pengamatan yang tajam terhadap riwayat hidup seorang seniman yang dikaguminya. Menurut Abdullah:

“Ramlee adalah tokoh manusia yang menjadi harapan bangsa, yang bercita-cita, tak mudah putus asa atau patah hati, tak kenal malu dan segan, rela menderita asal saja tujuannya dapat dicapai.”

Abdullah pernah bekerja dengan P. Ramlee dan melihat sendiri saat-saat kejayaan serta kejatuhan seniman agung itu. Sebagai sahabat mereka berbual, bertukar-tukar fikiran, saling menasihati dan saling mempercayai. Nyata sekali Abdullah setia kepada sahabatnya ini sehingga pimpinannya terhadap majalah *Gelanggang Filem* sangat dihormati oleh P. Ramlee sendiri.

Pada mulanya Abdullah Hussain menulis riwayat P. Ramlee di dalam majalah *Gelanggang Filem* dengan tajuk *P. Ramlee yang Kukenal*, sebagai kata Abdullah sendiri, rakaman kesan yang ditanggapinya tentang seniman itu sejak beliau mengenalinya



dari dekat. Hasil daripada rencana bersiri ini kemudiannya diterbitkan sebagai sebuah buku di dalam tulisan jawi bertajuk: *Kisah Hidup P. Ramlee*. Daripada buku ini kemudian diterbitkan sekali lagi dalam tulisan rumi berjudul *Gagak di Rimba* yang diterbitkan pada tahun 1966. P. Ramlee membaca kedua-duanya.

Walaupun kedua-dua buah karya biografi itu dibaca sendiri oleh P. Ramlee, namun Abdullah tidak pula menyatakan perakuan P. Ramlee sama ada kedua-dua buku tersebut baik atau sebaliknya. Namun jelas sekali bahawa Abdullah telah lama menulis tentang P. Ramlee. Sebelum persahabatan yang rapat selama 10 tahun (1951–1961) Abdullah sudah pun mengikuti filem P. Ramlee iaitu sejak beliau di Aceh lagi. Demikian juga selepas itu apabila P. Ramlee berusaha semula mendirikan Malaysia Film Industries Sdn. Bhd. (PERFIMA) dan pada saat penghujung hayat seniman agung itu, Abdullah terus bersama-sama dengannya. Dengan itu biografi yang ditulis oleh Abdullah itu tentu sekali mempunyai kekuatannya.

Sebagai penulis yang teliti, berminat dan bersungguh-sungguh dalam melahirkan hasil karya, Abdullah menjalankan penyelidikan yang mendalam tentang P. Ramlee, antaranya melalui wawancara, kajian buku, pengalaman, ingatan, pengamatan, dan analisa yang berkaitan dengan P. Ramlee dan lain-lain. Semua ini adalah bahan dan persediaan awal bagi sebuah biografi yang sangat berguna sebagai bahan dokumentari dan bahan sejarah. Buku ini mengandungi kenyataan tentang P. Ramlee, tetapi yang paling penting dialog yang dilafazkan sendiri oleh P. Ramlee, perasaan luahan rasa, keluh dan tangis, jenaka dan gembira P. Ramlee yang diingati oleh Abdullah dan dirakamkan semula dalam sebuah karya biografi untuk dibaca dan diingati pula oleh masyarakat negara ini.

Memang benar dalam biografi ini Abdullah pernah membuat tanggapan sendiri terhadap sifat-sifat, tabiat dan personaliti P. Ramlee, namun tanggapan itu dibuat setelah meneliti tabiat, sifat dan kelakuan P. Ramlee berulang-ulang kali dan setelah memerhati P. Ramlee tanpa prasangka. Abdullah menganggap P. Ramlee sebagai manusia yang sumbangannya dan kejayaannya akan menjadi teladan yang baik kepada anak bangsa, namun sebagai manusia P. Ramlee tetap mempunyai kelemahan dan Abdullah merakamkan kedua-duanya sekali.

Sebagai penulis kreatif yang berjaya menceburi pelbagai bidang penulisan Abdullah tidak lupa menampilkan kisah hidupnya sendiri agar dapat dikongsi bersama-sama pembaca.



Abdullah telah menghasilkan tiga buah autobiografi iaitu *Terjebak*, *Peristiwa* dan *Sebuah Perjalanan*; yang mengemukakan peristiwa di dalam hidupnya sejak kecil. Sebagai wartawan Abdullah tidak meninggalkan fakta. Kedua-dua bidang kerjayanya sebagai, penulis kreatif dan wartawan bergabung apabila beliau menulis karya autobiografi yang serba menarik dan enak dibaca. Beliau mengemukakan detik sejarah hidupnya melalui fakta-fakta yang boleh diteliti semula di dalam sejarah alam Melayu semasa Perang Dunia Kedua dan di zaman kemerdekaan Indonesia dan Malaysia. Abdullah hidup dalam zaman perubahan yang mencorak sebahagian penting sejarah Indonesia dan Malaysia. Secara kebetulan, bakat atau dengan asuhan, Abdullah menjadi pencatat yang paling menarik kerana catatannya adalah fakta dan bahan sejarah yang diolah menjadi karya kreatif. Inilah keistimewaan Abdullah sebagai penulis autobiografi.

Terjebak, karya autobiografinya yang awal diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1964 dan diulang cetak pada tahun 1977. *Peristiwa*, diterbitkan pada tahun 1965 dan *Sebuah Perjalanan* pula diterbitkan pada tahun 1984.

Semasa *Peristiwa* ingin diterbitkan ramai yang telah membaca karya awal Abdullah iaitu *Terjebak*. Disebabkan begitu banyak peristiwa diceritakan oleh Abdullah dengan teliti dan terperinci mungkin ramai yang tidak mempercayai betapa segala peristiwa yang berlaku selama lebih 20 tahun dalam riwayat hidup seseorang dapat dirakamkan semula. Kalaupun dirakam semula apakah semuanya benar dan tepat belaka?

Abdullah sebagai penulis yang bertanggungjawab dan sederhana sifatnya menerangkan hal ini dan menjelaskannya dalam kata pengantar *Terjebak*.

“Kerana penulisan kembali peristiwa-peristiwa ini dilakukan dua puluh tahun kemudian, hanya dengan kekuatan ingatan semata-mata, tanpa suatu catatan maka tanggal-tanggal yang tepat serta nama-nama orang banyak yang sudah terlupa, dan ada pula di antara orang-orang yang tersebut di dalam kisah ini masih hidup, maka kerana satu dan lain sebab namanya terpaksa dilindungi. Namun demikian urutan kejadian tetap disusun sebagaimana mestinya.”

Abdullah tidak mereka-reka kisah dan menyedari pandangan serong dari sesetengah pihak, untuk ini Abdullah menjelaskan persoalan ini di dalam pendahuluan autobiografinya yang kedua, *Peristiwa*:



“Saya tidak bermaksud akan membuat kata pendahuluan untuk buku ini, tetapi beberapa perkara harus saya terangkan kepada pembaca untuk menghindarkan kekeliruan dan salah faham yang mungkin timbul.

Beberapa orang yang membaca buku *Terjebak* dan juga naskhah asli buku ini pernah berkata: ‘Cerita saudara ini hampir-hampir menyerupai cerita fantasi, kalau tidak kerana orang-orang kami ketahui yang saudara sebutkan tentu kami tidak percaya!’

Saya tidak berkecil hati kalau ada orang yang tidak percaya, tetapi inilah kisah saya di antara tahun 1941–1947, yang saya tuturkan menurut keadaan yang sebenarnya.”

Penulisan autobiografi tidak semestinya sama dengan penulisan buku ilmiah tentang sejarah. Tarikh, nama yang tepat, dokumen yang asal dan berbagai-bagai lagi memang dipentingkan dalam menulis buku sejarah. Malah konsep sejarah yang berbeza tidak mendesak kehadiran faktor-faktor ini. Ketidakhadiran faktor-faktor sejarah atau lebih tepat lagi kehadiran sebahagian daripadanya tidak mencacatkan penulisan sebuah autobiografi. Apa yang lebih penting ialah catatan perasaan, penilaian dan kedudukan atau pendirian penulis di dalam menjalani peristiwa-peristiwa sejarah atau peribadi. Di sini letaknya kejayaan Abdullah Hussain dalam karya autobiografinya. Ketiga-tiga karya Abdullah mengisahkan diri penulis dalam mengharungi peristiwa sejarah bangsa Melayu terutamanya semasa Perang Dunia Kedua dan selepas kemerdekaan Indonesia, Malaysia, dan Singapura.

Jika karya autobiografi Abdullah tidak menitikberatkan data dan fakta, ia juga tidak bersifat fantasi. Di sinilah letaknya gaya penulisan autobiografi yang istimewa yang mementingkan keseimbangan dan kesederhanaan dalam mengisahkan peristiwa. Autobiografi Abdullah tidak terlalu peribadi sehingga menenggelamkan peristiwa yang berlaku dan tidak pula terlalu mementingkan peristiwa sehingga gagal meletakkan dirinya di dalam proses peristiwa. Autobiografi Abdullah merupakan karya yang boleh dikongsi bersama dengan pembaca umum, rakan-rakannya, tokoh masyarakat dan sebagainya. Autobiografi ini juga merupakan catatan budaya dan adat resam masyarakat Melayu Sumatera dan Tanah Melayu.

Autobiografi ini ditulis secara bercerita dan sewaktu membaca autobiografi penulisannya ibarat mendengar seorang pencerita menceritakan pengalaman hidupnya. Bahasa yang segar,



bersahaja dan bersambung-sambungan antara satu peristiwa dengan yang lain mengingatkan kita tentang seorang pencerita di dalam tradisi lisan Melayu. Autobiografi Abdullah adalah karya yang tebal dan mengandungi banyak cerita dan peristiwa. *Terjebak* yang lebih awal ditulis mengandungi hampir 300 halaman dengan hampir 400 perkataan bagi setiap halaman. Demikian juga dengan *Peristiwa* yang mengandungi hampir 300 halaman dengan hampir 300 perkataan bagi setiap halaman. Manakala *Sebuah Perjalanan*, autobiografi ketiga, mengandungi hampir 550 halaman.

Terjebak menceritakan kisah hidup Abdullah bermula di Kedah dan berakhir di Aceh. Keseluruhannya menceritakan tentang kedatangan tentera Jepun ke Tanah Melayu dan jaminan kemerdekaan kerajaan Jepun kepada Indonesia. Ia berakhir dengan kejatuhan kuasa Jepun di Indonesia yang akan menghadapi babak baru perjuangan menentang Belanda. Sebagai 'tukang cerita' (iaitu dalam pengertian yang positif) Abdullah berjanji di akhir bukunya yang ceritanya akan bersambung dalam karyanya yang akan menemui pembaca selepas *Terjebak*.

Peristiwa boleh dianggap sebagai sambungan kepada *Terjebak*. Ia bermula dengan kisah terakhir dalam *Terjebak* dan berterusan hingga kisah zaman Revolusi Indonesia di Aceh. Abdullah memainkan peranan penting di dalam zaman Revolusi ini. Menurut Abdullah dalam Kata Pengantar autobiografi ini:

"... Kemudian kira-kira tiga tahun dulu saya menerima sepucuk surat dari Teuku Alibasjah Talsya seorang pengarang dan penyajak yang menyatakan ia sedang menyusun sejarah Proklamasi di Aceh, dalam proses penyusunan itu dia banyak bertemu dengan peranan saya (Abdullah)."

Abdullah mengemukakan nama dan kenyataan yang disebutnya itu sebagai bukti bahawa autobiografinya bukan khayalan.

Buku ini menceritakan keadaan Aceh di zaman Revolusi pengunduran tentera Jepun, cerita perjuangan rakyat Indonesia menentang Belanda, peranan Abdullah sebagai Ketua Polis dan Wedana Langsa dan kembalinya Abdullah ke Tanah Melayu (Pulau Pinang) di akhirnya kisah beliau sebelum dia kembali semula ke Aceh.

Sebuah Perjalanan, autobiografi ketiga Abdullah lebih banyak menceritakan kehidupan penulis di Tanah Melayu dan bagaimana beliau hidup di Kedah, zaman persekolahan, kehidup-



an sebagai wartawan, pergaulan dengan pemimpin-pemimpin politik di dalam UMNO, hidup sebagai penulis dan wartawan hiburan, penulis di beberapa penerbitan, hidup dan bekerja bersama para seniman dan seniwati terkenal di Singapura dan berjuang menubuhkan industri filem yang baru selepas Singapura menjadi muram dalam menghasilkan filem-filem Melayu. Abdullah mengisahkan pertemuannya dengan para pemimpin politik seperti Datuk Senu, Khir Johari dan Saadon Zubir yang dikenali sebagai kawan. Bersama P. Ramlee beliau bertemu dengan Tunku Abdul Rahman bagi membincangkan masa depan industri filem Melayu. Demikian juga pertemuan dan pergaulannya dengan para penulis, golongan intelek dan pengusaha syarikat penerbitan di Malaysia yang hampir kesemuanya beliau kenali dengan rapat.

Biografi dan autobiografi yang dihasilkan Abdullah Husain merangkumi masa dan pengalaman yang luas. Ia menyentuh banyak peribadi yang masih hidup dan yang sudah meninggal dunia. Pengalaman dan pengamatan Abdullah merupakan bahan sejarah dan dokumentari sosial yang penting. Lebih daripada itu, semua karya biografi dan autobiografi yang dihasilkan menggunakan pelbagai kaedah pendekatan, penyelidikan yang teliti dan diolah dengan baik sebagai karya kreatif. Usaha beliau ini dapat memperkayakan hasil kesusasteraan Malaysia amnya. Tidak ramai penulis tempatan yang berjaya menghasilkan karya sedemikian dan daripada kalangan tersebut, Abdullah adalah antara yang teristimewa kerana mewakili banyak zaman.



PENUTUP

BAKAT kepengarangan Abdullah Hussain telah mengalir ke dalam pelbagai genre iaitu novel, cerpen, esei, kritikan sastera, puisi, terjemahan, biografi dan autobiografi. Jika sebilangan penulis, terutamanya generasi selepas Perang Dunia Kedua cenderung mengkhusus kepada sesuatu genre, Abdullah memperlihatkan penguasaan serta kekuatan dalam setiap genre yang diceburinya. Secara langsung ataupun tidak, Abdullah turut merakamkan sejumlah watak dan peristiwa penting tanah air sepanjang setengah abad yang lampau.

Sumbangan Abdullah dalam pelbagai genre itu disuburkan oleh dua faktor utama. Pertama, pengalaman peribadi yang kaya dan kedua, bakat mengarang. Sejak menamatkan persekolahan pada akhir tahun 1930-an, Abdullah menempuh pelbagai pengalaman dalam bidang sosial, ekonomi, politik, keselamatan, media massa, penerbitan, perfileman dan sebagainya. Dalam bidang penulisan pula, ia bermula dan berkembang melalui pendekatan konvensional yang kemudian diperkasakan dengan ciri-ciri keislaman yang nyata. Hal ini amat jelas dalam cerpen-cerpen dan beberapa buah novel Abdullah terutamanya *Imam* yang berunsur Islam.

Sumbangan Abdullah yang juga penting ialah dalam bidang penterjemahan dan penulisan biografi/autobiografi. Sebagai penterjemah Abdullah berperanan membuka jendela dunia sastera Melayu kepada sastera dunia. Beliau memperkenalkan karya-karya agung dunia kepada khalayak pembaca dan sasterawan Malaysia. Melalui proses ini pengalaman seni dan intelektual khalayak sastera Malaysia diperkayakan. Proses



yang dilakukan oleh Abdullah dapatlah juga dianggap sebagai suatu proses yang turut mendewasakan sastra Melayu. Abdullah telah mengambil bahagian menyuburkan semangat 'persefahaman sejagat' melalui kesusasteraan, pada ketika dunia mengarah kepada perkembangan pascamoden perkampungan sejagat dan 'dunia tanpa sempadan.'

Sumbangan Abdullah dalam bidang penulisan biografi dan autobiografi juga amat penting, terutama kaedah-kaedahnya yang berbeza daripada pendekatan barat. Perbezaan tersebut memungkinkan suatu penemuan kaedah tempatan yang bersinar kepada nilai agama, moral serta budaya yang tersendiri. Hipotesis ini sesungguhnya memerlukan kajian yang lebih terperinci.

Pada hakikatnya, Abdullah adalah pengarang yang mementingkan nilai agama, moral dan budaya, sebagaimana yang terpancar dalam sebahagian besar karyanya. Beliau juga pengkagum warisan budaya bangsanya, sehingga kamus peribahasa dan kamus simpulan bahasa yang diusahakannya dapatlah dikatakan sebagai tiada tolok bandingan sampai ke hari ini.

Namun dalam konteks Anugerah Sasterawan Negara, antara sumbangan penting Abdullah yang dinilai ialah dalam genre cerpen dan novel. Dalam kedua-dua genre ini Abdullah bukan sahaja telah memberikan sumbangan yang berkesinambungan, tetapi juga peningkatan mutu dengan tema keislaman yang semakin mantap. Beberapa buah cerpen dan novelnya telah merintis keprihatinan Abdullah terhadap kesedaran keislaman yang mengandungi nilai kemanusiaan sejagat itu. Rintisannya itu sampai ke kemuncak kreativiti Abdullah melalui novel besarnya, *Imam*.

